

PENGGUNAAN BURUH ASING DAN PERTUMBUHAN  
OUTPUT MENGIKUT SEKTOR KAWASAN KES MALAYSIA

MINDY A/L ELMIKHAIR

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2012



**PENGGUNAAN BURUH ASING DAN PERTUMBUHAN  
OUTPUT MENGIKUT SEKTOR: KAJIAN KES MALAYSIA**

**VINODH A/L ELAMKOVAM  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
PENGAJIAN**


**JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2012**

## **PENAKUAN**

Saya akui kertas projek ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

7 Januari 2012

  
.....

**VINODH A/L ELAMKOVAM**  
UK 20923

## **DECLARATION**

I hereby declare that the project paper is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated sources are acknowledge by giving explicit references is appended.

7 January 2012

  
.....

**VINODH A/L ELAMKOVAM**  
UK 20923

## PENGHARGAAN

Ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada penyelia kertas projek saya, iaitu Dr.Nanthakumar Loganathan yang telah memberi pelbagai panduan dan tunjukan ajar serta dorongan dalam usaha menyiapkan kertas projek ini. Sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan banyak membantu saya dalam menyempurnakan kajian yang dilakukan.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada keluarga saya yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan sepanjang saya menyiapkan kajian yang telah dilakukan sepenuhnya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan dan pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kertas projek ini.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dan menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan sempurna. Diharap laporan ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada mana-mana pihak yang memerlukannya.

Sekian terima kasih.

Nama: Vinodh A/L Elamkovam

Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)

Email: [vinodhsaravana@yahoo.com](mailto:vinodhsaravana@yahoo.com)

## ABSTRAK

Penggunaan buruh asing semakin meningkat disebabkan oleh perkembangan ekonomi yang semakin pesat. Di samping itu, permintaan terhadap buruh asing turut meningkat di kalangan majikan mungkin disebabkan oleh faktor upah. Kemasukan buruh asing ke dalam negara kita memberi impak yang besar terhadap sektor-sektor ekonomi iaitu sektor primer, sekunder dan tertier serta memberi kesan kepada perkembangan output negara. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan di antara penggunaan buruh asing dan pertumbuhan output mengikut sektor-sektor ekonomi di Malaysia. Data berbentuk siri masa bagi tempoh 1989-2008 digunakan. Kesemua data ini akan dilog sebelum melalui ujian kepegunan yang melibatkan ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan Phillip-Perron (PP). Seterusnya ujian Degrasi Augmented Engle-Granger (Toda Yamamoto) dilakukan. Kedua-dua ujian ini dilakukan untuk memilih modal yang terbaik. Akhirnya ujian Wald (MWALD) dijalankan untuk menguji hipotesis sama ada diterima atau sebaliknya. Penemuan kajian jelas menunjukkan bahawa penggunaan buruh lebih signifikan dalam sektor sekunder dan sektor tertier berbanding sektor primer kerana dominasi sektor primer sebelum 70-an telah berakhir dan negara lebih fokus kepada sektor yang boleh memberi sumbangan terbesar kepada pendapatan negara iaitu sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan tanpa mengabaikan sumbangan sektor primer yang terdiri daripada sektor pertanian dan sektor perlombongan. Peralihan ini didorong oleh perubahan teknologi dunia. Sebagai negara sedang membangun, Malaysia tetap waspada dengan perkembangan antarabangsa untuk menyaingi dan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

## **ABSTRACT**

The use of foreign workers is increasing due to the rapid economic development. In addition, the demand for foreign labor has also increased among employers and wages might be one of the factors. The entry of foreign workers into the country has a substantial impact on economic sectors of the primary, secondary and tertiary as well as affecting the development of national output. This study aims to look at the relationship between the use of foreign labor and output growth in the economic sectors in Malaysia. Form of time series data from 1989-2008 is used. All this data will be logged before the stationarity tests involving Augmented Dickey-Fuller test (ADF) and Phillip-Perron (PP). Further tests Augmented Engle-Granger (Toda Yamamoto) performed. Both tests are done to choose the best model. Finally, a Wald test (MWALD) was conducted to test the hypothesis is either accepted or otherwise. The findings clearly show that the use of a more significant force in the secondary sector and tertiary sector than the primary sector because of the dominance of the primary sector before the 70's had ended and the country is focused on the sectors that contributed most to the national income of the manufacturing and services sector without compromising primary sector comprises agriculture and mining sectors. This shift is driven by technological change in the world. As a developing country, Malaysia is still very careful to keep abreast of international developments and to achieve developed nation status by 2020.

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	<b>ix</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Profil Pekerja Asing	2
1.3 Kesan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output	6
1.3.1 Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Primer Di Malaysia	7
1.3.2 Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Sekunder Di Malaysia	9
1.3.3 Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Tertier Di Malaysia	11
1.4 Objektif Kajian	12
1.4.1 Objektif umum	12
1.4.2 Objektif khusus	13
1.5 Permasalahan Kajian	13
1.6 Metodologi Kajian	14
1.7 Organisasi Kajian	15
1.8 Kesimpulan	16
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>18</b>
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Pola Kehadiran Pendatang Asing	19

2.3	Situasi Inflasi Di Malaysia	23
2.4	Situasi KDNK Di Malaysia	25
	2.4.1 Prestasi Output Mengikut Sektor	26
2.5	Tren Penggunaan Pekerja Asing Mengikut Sektor	28
2.6	Sorotan Kajian	29
2.7	Kesimpulan	34
 <b>BAB 3 SPESIFIKASI MODEL KAJIAN</b>		<b>36</b>
3.1	Pendahuluan	36
3.2	Sumber Data Kajian	37
3.3	Spesifikasi Model Kajian	38
	3.3.1 Ujian Kepegunan	39
	3.3.2 Model Augmented Engle-Granger	40
	3.3.3 Ujian Penyebab Mwald	40
3.4	Kesimpulan	42
 <b>BAB 4 ANALISIS KEPUTUSAN PENGANGGARAN MODEL KAJIAN</b>		<b>43</b>
4.1	Pendahuluan	43
4.2	Keputusan Ujian Kepegunan	44
4.3	Keputusan Ujian Regresi Augmented Engle-Granger (Toda Yamamoto)	46
4.4	Ujian Wald(MWALD)	49
 <b>BAB 5 RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR KAJIAN</b>		<b>50</b>
5.1	Rumusan Kajian	50
5.2.	Implikasi Dasar Dan Polisi	50
	5.2.1 Dasar Buruh Asing	50
	5.2.2 Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing Dan Pemandang Asing Tanpa Izin (Program 6P)	52
5.3	Kesimpulan	54
 <b>SENARAI RUJUKAN</b>		<b>56</b>

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Komposisi Pekerja Asing Mengikut Negara Asal	3
1.2	Pengagihan Pekerja Asing Mengikut Sektor	4
2.1	Pertumbuhan Produktiviti Dan Output Mengikut Sektor(%)	29
4.1	Keputusan Ujian Kepegunan	44
4.2	Keputusan Ujian Regrasi Augmented Engle-Granger (Toda Yamamoto) bagi Sektor Primer	46
4.3	Keputusan Ujian Regrasi Augmented Engle-Granger (Toda Yamamoto) bagi Sektor Sekunder	47
4.4	Keputusan Ujian Regrasi Augmented Engle-Granger (Toda Yamamoto) bagi Sektor Tertier	48
4.5	Keputusan Ujian Wald	49

## SENARAI RAJAH

<b>No. Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Secara Keseluruhan Di Malaysia	6
1.2	Kesan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Primer Di Malaysia	7
1.3	Kesan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Sekunder Di Malaysia	9
1.4	Kesan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Tertier Di Malaysia	11
2.1	Inflasi Mengikut Negara-Negara Dunia	24
2.2	Kadar Pertumbuhan KDNK (Harga Malar 2000)	25

## SENARAI KEPENDEKAN

<b>Singkatan</b>	<b>Nama Penuh Singkatan</b>
ADF	Augmented Dickey-Fuller
FDI	Pelaburan Asing Langsung
ICT	Teknologi Komunikasi Dan Maklumat
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KNK	Keluaran Negara Kasar
MoU	Memorandum Persefahaman
MWALD	Ujian Wald
PP	Phillip-Perron
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
RME	Rancangan Malaysia
TFP	Produktiviti Faktor Menyeluruh
VAR	Vektor Autoregresif

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Kehadiran pekerja asing di negara kita bukan merupakan satu perkara yang asing malah sering menjadi bualan dan isu yang hangat diperkatakan ketika ini. Buruh atau pekerja asing yang hadir telah memenuhi hampir setiap sektor pekerjaan yang terdapat di negara kita contohnya dalam sektor pembinaan, perkilangan, ladang atau pertanian, juga perkhidmatan seperti restoran, dobi, pencucian atau pembersihan dan sebagainya. Mengikut perangkaan kerajaan, sehingga 31 Ogos tahun 2010, seramai 1,153,069 pekerja asing berkhidmat di Malaysia dalam pelbagai sektor. Menurut pecahan, 355,782 bekerja dalam sektor pembuatan, pembinaan (297,642), pembantu rumah (230, 926), perladangan (181,605) dan perkhidmatan (87,144). Manakala mengikut perangkaan terbaru, pekerja asing yang sah sehingga 1 Mac 2011 pula ialah sebanyak 1.2 juta orang iaitu bersamaan dengan jumlah pekerja tanpa izin di negara ini. Pekerja asing yang sah bekerja di negara ini membabitkan sektor pembantu rumah 240,964 orang, perkilangan (390,552), perladangan (326,764), pembinaan (204,254) dan perkhidmatan 77,149 orang.

Statistik untuk setiap sektor pada tahun 2011 adalah berbeza jika dibandingkan dengan statistik pada tahun 2010. Terdapat sektor yang menunjukkan peningkatan dari segi jumlah, malah tidak kurang juga yang menunjukkan penurunan jumlah pekerja asing tersebut. Namun begitu, kehadiran pekerja asing ke Malaysia sudah menjadi satu trend dan perkara ini sukar dibendung walaupun pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan dan badan-badan yang berkaitan.

Berikutan mempunyai tenaga asing yang ramai, industri pembinaan pula merupakan salah sebuah industri yang sangat sinonim dengan perkataan “buruh asing”. Pada masa sekarang, dianggarkan lebih 600,000 orang bekerja di sektor pembinaan termasuk 109,020 pekerja asing yang bekerja secara sah tetapi pekerja pendatang haram lebih tinggi, sekaligus membuktikan pergantungan negara terhadap tenaga buruh masing tinggi. Walau bagaimanapun, menurut Menteri Sumber Manusia, Datuk S.Subramaniam, pengambilan pekerja asing tersebut hanya merupakan langkah sementara iaitu bagi memenuhi keperluan sektor-sektor yang kritikal. Seterusnya, Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab untuk mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dengan beberapa negara sumber pekerja asing supaya kerajaan dapat mengawal pengambilan pekerja asing dengan lebih teratur dan memastikan mereka dibawa masuk atas keperluan ekonomi negara yang sebenar dan bukan untuk bersaing dengan pekerja-pekerja tempatan.

## **1.2 PROFIL PEKERJA ASING**

Bilangan sebenar berapa ramai buruh asing yang berada di Malaysia sekarang ini adalah amat sukar untuk di ketahui. Kita dapat mengetahui bilangan yang datang secara rasmi (legal) untuk bekerja dengan menggunakan passport dan permit pekerjaan tertentu, tetapi bilangan yang datang secara tidak rasmi atau “illegal” atau dipanggil juga sebagai “pendatang haram” amat sukar untuk dianggarkan bilangannya memandangkan ramai pekerja asing yang memasuki pasaran buruh di Malaysia. Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja Malaysia bahawa sekarang ini secara rasminya pekerja asing yang berada di Malaysia adalah seramai kira-kira 2 juta orang. Sabah merupakan negeri yang paling ramai mempunyai pekerja asing yang “illegal” atau yang dipanggil sebagai pendatang haram dianggarkan mempunyai seramai 1.7 juta hingga 2 juta orang berdasarkan “Sabah Feels the Strain,” in *The Star*, 19th June 2010, h. 44. Kebanyakan daripada mereka datang dari Filipina dan Indonesia dan separuh daripada mereka dikatakan mempunyai kad pengenalan dan menikmati semua hak sebagai rakyat negara ini termasuklah mengundi. Sejak tahun 2003, Sabah menerima pekerja asing dari

Indonesia seramai 1.6 juta orang dan 569,000 daripada mereka terdiri dari pendatang haram. Tidak keterlaluan kalau kita menganggarkan bahawa jumlah minima buruh asing di Malaysia yang datang secara sah, mahir dan tidak mahir, adalah kira-kira 2 juta orang, manakala pendatang tanpa izin adalah kira-kira 2 juta orang. Jadi jumlah semuanya dianggarkan tidak kurang daripada 4 juta orang.

Jadual 1.1

Komposisi Pekerja Asing Mengikut Negara Asal(%)

	1998	1999	2000	2001	2002	2003	Jan-Julai 2004
Indonesia	53.3	65.7	69.4	68.4	64.7	63.8	66.5
Nepal	0.1	0.1	0.1	7.3	9.7	9.7	9.2
Bangladesh	37.1	27.0	24.6	17.1	9.7	8.4	8.0
India	3.6	3.2	3.0	4.0	4.6	5.6	4.5
Myanmar	1.3	0.9	0.5	1.0	3.3	4.3	4.2
Filipina	2.7	1.8	1.2	1.0	0.8	0.6	1.1
Thailand	0.7	0.5	0.4	0.4	2.4	0.9	1.0
Pakistan	1.0	0.6	0.5	0.4	0.2	0.2	0.1
Lain-lain	0.2	0.2	0.3	0.4	4.6	6.5	5.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber : Jabatan Statistik (1998-2004)

Kajian tahunan berkaitan tenaga buruh yang dilakukan oleh Jabatan Statistik, mendedahkan bahawa jumlah pekerja asing telah meningkat menjadi 1.1 juta pada tahun 2000 berbanding dengan sekitar 136,000 orang pada awal tahun 1980. Kajian terbaru Jabatan Statistik menunjukkan bahawa jumlah pekerja asing yang sah di Malaysia meningkat menjadi 1,359,632 orang pada Julai 2004. Majoriti pekerja asing dari Indonesia, rata-rata 66.5% dari jumlah keseluruhan pekerja asing, diikuti oleh Nepal (9.2%), Bangladesh (8.0%), India (4.5%) dan Myanmar (4.2%) seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Pada tahun 2001, pekerja asing lelaki ialah sebanyak 66% dari jumlah keseluruhan pekerja asing dan mereka mendominasi semua sektor utama, kecuali perkhidmatan.

Jadual 1.2 Pengagihan Pekerja Asing Mengikut Sektor


	Bil Pekerja('000)							Saham(%)				
	1990	1995	2001	2003	July 2004	1990	1995	2001	2003	Julai 2004		
Pertanian	115.8	173.0	284.1	185.9	335.2	47.9	36.1	32.9	16.5	24.7		
Perlombongan	1.4	1.8	2.1	-	-	0.6	0.4	0.2	-	-		
Pembinaan	25.1	64.8	99.0	265.9	269.1	10.4	13.5	11.5	23.6	19.8		
Pembuatan	23.7	115.7	213.0	355.4	414.3	9.8	24.1	24.7	31.5	30.5		
Perkhidmatan	76.0	124.0	265.6	319.6	340.9	31.3	25.9	30.7	28.4	25.0		
Jumlah	242.0	479.3	863.8	1126.8	1359.5	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0		

Sumber: Jabatan Statistik dan Jabatan Imigresen (1990-2004)

Pada awal 1970-an, pekerja asing kebanyakannya bekerja di sektor pertanian dan itu menyumbang 48% dari jumlah keseluruhan pekerja asing yang diambil bekerja pada tahun 1990. Pada Julai 2004, pekerja asing yang bekerja di semua sektor utama ekonomi memberi sumbangan yang besar dengan sumbangan terbesar hadir daripada sektor pembuatan iaitu 30.5%, perkhidmatan (25%), pertanian (24,7%) dan pembinaan (19,8%) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 . Pekerja asing di sektor perkhidmatan terutamanya bekerja di restoran, hotel dan sebagai pembantu rumah tangga. Jumlah pembantu rumah tangga meningkat secara mendadak sebesar lebih dari tiga kali dari 75,300 orang pada tahun 1997 menjadi 261,006 orang pada Julai 2004. Dalam hal pencapaian pendidikan, pekerja asing yang tidak memiliki pendidikan formal atau latar belakang pendidikan dasar menyumbang 67% dari jumlah keseluruhan.

### 1.3 Kesan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output


Rajah 1.1: Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Secara Keseluruhan Di Malaysia



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (1989-2008)

### 1.3.1 Kesan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Primer

Rajah 1.2: Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Primer Di Malaysia




Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (1989-2008)

Rajah 1.2 menunjukkan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Primer Di Malaysia. Pada tahun 1989 sehingga 1998 penggunaan buruh asing dalam sektor primer iaitu dalam sektor pertanian dan perlombongan tidak menunjukkan angka yang tinggi kerana pada masa itu Malaysia tidak mengamalkan ekonomi terbuka. Justeru itu, peluang untuk buruh asing membanjiri pasaran buruh di Malaysia sangat tipis. Fenomena ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pertumbuhan output di Malaysia. Hal ini kerana buruh asing mampu bekerja di mana-mana sektor yang tidak diisi oleh pekerja tempatan. Oleh itu, pertumbuhan output dalam sektor primer di Malaysia tidak menunjukkan angka yang tinggi untuk membolehkan sektor primer member sumbangan yang lebih tinggi kepada KDNK negara. Selepas krisis ekonomi pada tahun 1997, Malaysia cuba bangkit untuk terus bersaing dengan negara-negara maju. Pada tahun 1999, pola penggunaan buruh asing menunjukkan peningkatan yang agak ketara sehingga 2008. Pada tahun 2008, sektor-sektor primer meningkatkan penggunaan buruh asing iaitu seramai 520,867 orang berbanding jumlah rakyat di Malaysia sejumlah 28 juta.

### 1.3.2 Kesan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Sekunder

Rajah 1.3: Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Sekunder Di Malaysia




Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (1989-2008)

Rajah 1.3 menunjukkan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Sekunder Di Malaysia. Dari tahun 1989 sehingga 1997 penggunaan buruh asing dalam sektor sekunder iaitu dalam sektor pembinaan dan pembuatan tidak konsisten. Malah pertumbuhan output dalam sektor sekunder terus meningkat dari 31091 unit ke 106174 unit. Selepas tahun 1997 pertumbuhan output telah mengalami penurunan akibat daripada krisis ekonomi yang melanda dunia. Malaysia juga tidak terkecuali daripada fenomena ini. Oleh itu pertumbuhan output menurun dari 106174 unit kepada 105220 unit pada tahun 1998. Keadaan ini turut menjejaskan penggunaan buruh asing dalam sektor sekunder apabila menunjukkan penurunan yang agak ketara iaitu dari 24700 kepada 12,000 buruh. Malaysia tidak putus asa dan bangkit semula daripada krisis ekonomi untuk bersaing di peringkat global dengan meningkatkan pertumbuhan output pada tahun berikutnya sehingga tahun 2008 iaitu dari 105220 unit pada tahun 1998 kepada 231891 unit pada tahun 2008. Penggunaan buruh asing juga menunjukkan peningkatan dalam tempoh tersebut. Peningkatan ini menjadi tulang belakang kepada pertumbuhan output dalam tempoh 1998-2008.

### 1.3.3 Kesan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Tertier

Rajah 1.4: Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Tertier Di Malaysia



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (1989-2008)

Rajah 1.4 menunjukkan Penggunaan Buruh Asing Terhadap Pertumbuhan Output Sektor Tertier Di Malaysia. Pada tahun 1989 hingga tahun 1991 penggunaan buruh dalam sektor tertier iaitu dalam sektor perkhidmatan agak tinggi selaras dengan pertumbuhan output pada masa itu. Kesan daripada peralihan fokus ekonomi negara daripada sektor perindustrian kepada sektor perkhidmatan penggunaan buruh dalam sektor ini agak tidak konsisten iaitu menunjukkan angka kurang daripada 100,000 orang dari tahun 1992 hingga 2004. Ini kerana sektor perkhidmatan mengambil inisiatif untuk mengurangkan kos pengeluaran. Malah pertumbuhan output dalam jangka masa ini menunjukkan meningkat yang agak drastik iaitu meningkat saban tahun. Bermula tahun 2005, penggunaan buruh dalam sektor ini mendapat perhatian semula iaitu mencecah 150,000 hingga 250,000 orang. Manakala pertumbuhan output pula terus menunjukkan peningkatan yang mendadak sehingga tahun 2008. Ini kerana, pada masa itu sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada KDNK negara sekaligus membantu negara dalam persaingan ekonomi antarabangsa dengan negara-negara maju.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi mengetahui hubungan antara penggunaan buruh asing dengan pertumbuhan output mengikut sektor ekonomi. Objektif umum dan objektif khusus adalah seperti berikut:

### **1.4.1 Objektif umum**

Mengkaji hubungan antara penggunaan buruh asing dengan pertumbuhan output mengikut sektor ekonomi di Malaysia.

#### **1.4.2 Objektif khusus**

- a) Menentukan sumbangan pekerja asing kepada pertumbuhan output mengikut sektor ekonomi di Malaysia.
- b) Menganalisis kadar penggunaan buruh asing serta pertumbuhan output mengikut sektor ekonomi di Malaysia.

#### **1.5 PERMASALAHAN KAJIAN**

Secara umumnya, Malaysia adalah antara 10 buah negara teratas yang tersenarai sebagai penggaji warga asing tertinggi di dunia. Di mana-mana sahaja pada hari ini khususnya di bandar besar, kita boleh berjumpa dengan pekerja asing dari Indonesia, Filipina, Bangladesh, Nepal, India dan China yang bekerja dalam pelbagai sektor yang bergaji rendah seperti buruh, pekerja kilang dan pembantu rumah. Jumlah pekerja asing di negara ini berjumlah 1.85 juta orang dengan pendatang Indonesia sahaja berjumlah 1.2 juta orang diikuti Nepal seramai 200,000 orang. Semua mereka ini termasuk yang datang dari Myanmar, Pakistan, Afghanistan, Kemboja, Vietnam, Sri Lanka dan negara di benua Afrika.

Rancangan Malaysia merupakan satu titik peralihan dalam ekonomi Malaysia daripada keadaan lebih buruh kepada kekurangan buruh. Keadaan ekonomi yang kukuh pada tahun-tahun akhir lapan puluhan dan dalam tempoh rancangan telah mewujudkan permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja di semua peringkat. Permintaan yang tinggi ini telah memberi tekanan yang kuat kepada penawaran buruh, justeru itu mengakibatkan pasaran buruh menjadi ketat. Kadar pengangguran yang merupakan satu petunjuk penggunaan buruh telah berkurangan dengan banyaknya daripada 5.1 peratus pada tahun 1990 kepada 2.8 peratus pada tahun 1995. Ini merupakan satu kadar yang terendah pernah dicapai. Kadar pertukaran pekerjaan yang tinggi juga berlaku bagi beberapa kategori pekerjaan mahir dan profesional. Sistem pendidikan dan latihan tidak dapat memenuhi semua keperluan bagi tenaga manusia mahir. Memandangkan Malaysia secara relatif mempunyai asas penawaran

buruh yang kecil, pertumbuhan ekonomi yang pesat diikuti pula dengan pertumbuhan gunatenaga telah menyebabkan berlakunya keadaan kekurangan pekerja mahir.

Oleh itu, pengambilan buruh asing ke Malaysia adalah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor -sektor tertentu dan bukan untuk diserap dalam pelbagai sektor. Antara sektor-sektor yang menghadapi kekurangan tenaga kerja adalah sektor perladangan, pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan. Di dalam keempat-empat sektor tersebut sektor perkhidmatan dan pembuatan mengalami kekurangan pekerja yang paling kronik. Transisi ekonomi Malaysia yang dari sektor pertanian ke sektor perkilangan telah meninggalkan kesan terhadap permintaan guna tenaga. Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa Malaysia perlu mengurangkan pekerja asing tetapi kesannya ia akan menjejaskan industri yang berkenaan yang bergantung dengan mereka. Keadaan jelas menunjukkan Malaysia masih memerlukan tenaga kerja untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan memenuhi permintaan guna tenaga yang ada. Pertumbuhan ekonomi dapat menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan seterusnya membolehkan Malaysia terus bersaing dengan negara yang lain.

Tetapi kajian ini dilakukan apabila wujud persoalan bahawa adakah penggunaan buruh asing dalam tiga sektor ekonomi utama di Malaysia iaitu sektor primer, sektor sekunder dan sektor tertier memberi kesan ke atas pertumbuhan output dalam sektor masing-masing. Di penghujung kajian ini kita dapat melihat sama ada penggunaan buruh asing akan meningkatkan pertumbuhan output dalam tiga sektor utama atau sebaliknya.

## **1.6 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian adalah sesuatu yang perlu diterangkan oleh setiap individu yang menjalankan kajian. Metodologi kajian menerangkan cara pengumpulan data yang dilakukan. Peringkat pertama kajian dimulakan dengan melakukan kajian literatur bagi mendapatkan bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

Kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada buku-buku, majalah, jurnal, akhbar-akhbar tempatan, laman web, kertas kerja seminar, tesis-tesis lama dan apa jua artikel yang berkaitan dan difokuskan di Malaysia. Seterusnya, pengumpulan data kajian adalah berdasarkan data sekunder tahunan di mana menggunakan data siri masa iaitu dari tahun 1989 hingga 2008. Perolehan data sekunder tahunan melibatkan data penggunaan buruh asing dan pertumbuhan output mengikut sektor-sektor ekonomi di Malaysia. Kesemua data ini akan dilog sebelum melalui ujian kepegungan yang melibatkan ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan Phillip-Perron (PP). Seterusnya ujian Degrasi Augmented Engle-Granger (Toda Yamamoto) dilakukan. Kedua-dua ujian ini dilakukan untuk memilih modal yang terbaik. Akhirnya ujian Wald (MWALD) dijalankan untuk menguji hipotesis sama ada diterima atau sebaliknya.

## **1.7 ORGANISASI KAJIAN**

Kertas kerja ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian satu secara umumnya membincangkan profil pekerja asing dan kesan penggunaan buruh asing terhadap tiga sektor ekonomi utama di Malaysia. Selepas itu, telah mengidentifikasi objektif kajian iaitu objektif khusus ikuti dengan objektif umum. Setelah itu, pembentukan hipotesis kajian dapat dilaksanakan untuk mengkaji objektif secara keseluruhan tentang penggunaan buruh asing dan pertumbuhan output mengikut sektor ekonomi di Malaysia. Seterusnya permasalahan kajian akan dikenalpasti untuk menunjukkan tujuan kajian ini dijalankan. Malah, metodologi kajian juga akan dinyatakan secara ringkas untuk menunjukkan kaedah yang akan diguakan dalam kajian ini. Bahagian ini juga memaparkan statistik kehadiran buruh asing ke Malaysia, penggunaan buruh asing mengikut sektor dan pertumbuhan output mengikut sektor ekonomi di Malaysia.

Bahagian dua pula merangkumi sorotan kajian lepas yang pernah dilakukan oleh penyelidik sebelumnya. Dalam ringkasan sorotan kajian lepas yang dipilih merangkumi nama, tahun, tajuk, negara dikaji, hipotesis kajian dan dapatan kajian

daripada penyelidikan tersebut. Dalam bahagian ini, sebanyak 10 buah jurnal telah dikaji.

Bahagian tiga membabitkan teori dan pembentukan model serta pengumpulan sumber data. Kaedah penganggaran juga dirangkumi dalam bahagian ketiga ini. Kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti masalah ialah ujian kepegunan, Ujian Integrasi Jangka Masa Panjang dan , Ujian Integrasi Jangka Masa Pendek.

Bahagian empat pula menganalisis hasil keputusan keseluruhan kajian menggunakan kaedah-kaedah pengiraan tersebut. Dalam bahagian ini juga, hasil keputusan ujian kepegunan dan ujian Integrasi Jangka Masa Panjang akan dihuraikan dengan jelas dan dipersembahkan dalam bentuk rajah serta beberapa interpretasi hasil daripada keputusan juga diutarakan dalam bahagian ini. Selain itu, ada juga penghuraian varians dan satu lagi ujian dilakukan iaitu ujian Penyebab Granger serta daripada keputusan tersebut juga dapat menunjukkan implikasi dasar.

Bahagian lima merupakan bahagian terakhir yang dapat menyimpulkan hasil kajian serta membincangkan cadangan berdasarkan kepada keputusan kajian ini agar dapat menjelaskan lagi hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas.

## **1.8 KESIMPULAN**

Malaysia merupakan negara yang sedang membangun di era globalisasi ini untuk mencapai status negara maju. Kemajuan negara bergantung kepada pertumbuhan ekonomi negara dan secara dasarnya Malaysia berada pada landasan pemulihan ekonomi yang betul seperti yang dibuktikan menerusi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 10.1 peratus pada tahun 2010. Kita juga termasuk di kalangan 10 negara teratas dengan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan sepanjang tempoh sama. Ini membuktikan bahawa beberapa pendekatan yang diperkenalkan oleh kerajaan terutamanya dalam tempoh setahun pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah tepat dan berkesan.

Dasar transformasi ekonomi itu benar-benar memberi impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara di sebalik kelembapan ekonomi dunia. Dasar ini mampu membawa ekonomi Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 seterusnya tergolong dalam kumpulan negara maju. Dalam masa yang sama, negara juga kekal bersaing dengan kuasa baru ekonomi dunia terutamanya negara jiran kita, Indonesia dan Vietnam yang ketika ini berkembang dengan pesat. Jika diukur dari sudut masa, ia hanya berbaki tidak sampai 10 tahun sahaja lagi untuk mencapai status tersebut.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 PENDAHULUAN

Kehadiran buruh asing diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja, malah ia turut membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi. Kemasukan buruh asing ketara sejak akhir 1980-an. Pada awalnya, kebanyakan mereka bekerja sebagai buruh kasar di sektor formal tetapi kemudian ramai yang beralih menjadi pengusaha. Upah pekerja Malaysia tidak lagi rendah secara relatif tetapi yang rendahnya ialah upah pekerja asing yang bekerja di Malaysia. Malaysia wajar dipromosikan sebagai sebuah negara yang sedang beralih kepada aktiviti intensif teknologi dan nilai tambah lebih tinggi dengan pengambilan buruh asing dilaksanakan secara bijaksana dan terpilih.

Namun, proses globalisasi tidak hanya terhad pada peningkatan aliran dagangan dan modal sahaja. Malah aliran keluar-masuk pekerja asing juga turut sama meningkat. Maka masalah lambakan ini menjadi antara isu panas yang hangat didebatkan kepada sidang dewan parlimen baru-baru ini. Tidak terkecuali adalah isu yang berkaitan tuntutan republik Indonesia yang menuntut gaji rakyat mereka yang bekerja di negara kita dinaikkan kepada satu kadar yang agak tinggi. Tetapi permintaan mereka masih dalam pertimbangan dan belum disahkan bagi memastikan negara menjaga kepentingan pelbagai pihak. Beberapa akta juga mungkin akan digubal dalam masa terdekat sementara ini.

Untuk kita mengatasi masalah ini, kita seharusnya peka dan mempunyai kesedaran tinggi dan juga pengetahuan yang luas tentang pelbagai pengertian buruh asing

kepada kita. Dalam bab ini kita akan melihat peranan dan beberapa perkara penting dalam penggunaan buruh asing dalam sektor-sektor ekonomi di Malaysia.

## **2.2 POLA KEHADIRAN PENDATANG ASING KE MALAYSIA**

Kehadiran pekerja asing diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja. Malah ia turut membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi. Kemasukan buruh asing ketara sejak akhir 1980-an. Pada awalnya, kebanyakan mereka bekerja sebagai buruh kasar di sektor formal tetapi kemudian ramai yang beralih menjadi pengusaha. Promosi Malaysia sebagai negara yang mempunyai kadar upah rendah, mungkin tidak lagi sesuai. Upah pekerja Malaysia tidak lagi rendah secara relatif. Yang rendah ialah upah pekerja asing yang bekerja di Malaysia. Malaysia wajar dipromosikan sebagai sebuah negara yang sedang beralih kepada aktiviti intensif teknologi dan nilai tambah lebih tinggi, dengan pengambilan buruh asing dilaksanakan secara bijaksana dan terpilih.

Pada tahun 2008, penduduk Malaysia berjumlah sekitar 27,728,700 orang. Kaum Bumiputera meliputi 61.8 peratus, Cina 22.9 peratus, India dan lain-lain 8.1 peratus. Penduduk bukan warganegara pula berjumlah 7.1 peratus. Peratusan bukan warganegara paling tinggi ialah di Sabah. Bagi setiap 100 penduduk di negeri itu, 25 daripadanya bukan warganegara. Bagaimanapun dari segi agihan tenaga buruh mengikut kaum, peratus tenaga buruh bukan warganegara sebenarnya lebih tinggi daripada jumlah kaum India dan lain-lain di negara ini. Daripada sejumlah 10,889,500 tenaga buruh di Malaysia pada tahun lalu, 57.3 peratus terdiri daripada Bumiputera; kaum Cina pula 24.8 peratus sementara India dan lain-lain sebanyak 8.2 peratus. Buruh di kalangan bukan warganegara pula berjumlah 9.7 peratus.

Bilangan bukan warganegara iaitu dalam umur bekerja, meningkat dengan mendadak daripada 215,200 pada 1982 kepada 1,240,200 pada 2005. Tenaga buruh bukan warganegara pula meningkat daripada 138,500 kepada 1.03 juta. Dalam tempoh 20 tahun iaitu antara 1985-2005, jumlah buruh bukan warganegara meningkat sebanyak

367 peratus. Daripada sejumlah 1,240,200 pada 2005, sebanyak 1,015,300 bekerja sementara, baki seramai 14,200 tidak bekerja (menganggur) dan 201,700 di luar tenaga buruh. Trend kadar pengangguran buruh asing semakin berkurangan dan kadar penyertaan tenaga buruh semakin meningkat. Pekerja bukan warganegara paling ramai ialah dari Indonesia. Statistik pada 2005 menunjukkan 67.4 peratus berasal dari Indonesia, 9.9 peratus (Filipina), 3.2 peratus (Bangladesh) dan bakinya dari negara-negara lain.

Tiga industri utama yang dimonopoli oleh bukan warganegara ialah industri pertanian termasuk perhutanan dan perikanan sebanyak 33 peratus, sementara industri pembinaan dan pembantu rumah pula sekitar 14 peratus. Pekerja tempatan pula masih melebihi pekerja asing dalam industri pembuatan iaitu sebanyak 19.1 peratus. Bagaimanapun, industri pembuatan merupakan industri kedua paling ramai pekerja asing iaitu 17 peratus, hanya kurang dua peratus daripada pekerja tempatan. Tiga jenis pekerjaan industri utama yang dimonopoli oleh bukan warganegara ialah pekerja asas sebanyak 31 peratus, pekerja mahir pertanian dan perikanan (28 peratus) dan operator loji dan mesin serta pemasangan (13 peratus).

Bagi jenis pekerjaan pula, pekerja pertukangan dan yang berkaitan dengannya meliputi 11 peratus, sama dengan warganegara. Data-data ini diperoleh dari Penyiasatan Tenaga Buruh, Profil Bukan Warganegara 2007 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Pada 2007, sebanyak 87.7 peratus daripada bukan warganegara terlibat sebagai pekerja, 9.7 peratus lagi bekerja sendiri, 1.9 peratus pekerja keluarga tanpa gaji dan bakinya sebanyak 0.7 peratus terdiri daripada kumpulan majikan. Dijangka sebahagian daripada bukan warganegara yang 'bekerja sendiri' ini terdiri daripada imigran asing yang telah lama menetap di sini dan mereka yang menjadi 'pekerja keluarga tanpa gaji' pula sebahagiannya ialah anak-anak atau saudara-mara kepada pekerja yang 'bekerja sendiri.'

Kemasukan besar-besaran buruh asing bermula sekitar 1987. Kemasukan itu berkait rapat dengan peluang pekerja di sektor pertanian dan pembinaan (kini pembuatan). Bagaimanapun, semasa krisis ekonomi 1997 (dan juga krisis 2008) sebahagian

mereka pulang ke negara asal. Sebahagian besar yang pulang ialah mereka yang telah diberhentikan kerja dan tiada peluang untuk bekerja dalam mana-mana sektor. Mereka tiada peluang kerana sama ada masih baru di Malaysia, tiada kenalan dengan pekerja asing yang telah lama di sini atau tiada kenalan rapat dengan rakyat tempatan. Ringkasnya, semakin lama mereka di Malaysia, semakin rendah kemungkinan untuk mereka pulang ke negara asal jika berlaku krisis ekonomi.

Bagi imigran yang telah lama di sini, krisis ekonomi merupakan petunjuk aras untuk berubah kepada pekerjaan yang lebih baik demi meneruskan sara hidup mereka. Memang berlaku anjakan pekerjaan asing akibat krisis ekonomi ini. Ramai buruh kasar yang datang ke sini pada lewat 1980-an, kini menjadi seorang pengusaha melalui usahasama dengan rakyat tempatan dan kemudian menubuhkan syarikatnya sendiri. Ia sebahagian daripada proses bagaimana pekerja migran cuba menyesuaikan diri berikutan perubahan di luar kawalan mereka iaitu krisis ekonomi. Mereka juga sentiasa mengambil peluang meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup termasuk melibatkan diri dalam aktiviti tidak formal yang tidak sah daripada segi peraturan. Syarikat mungkin didaftarkan (atau dimiliki) oleh pengusaha tempatan tetapi aktiviti syarikat oleh pengusaha asing yang pekerja mereka juga sebahagian besarnya ialah pekerja asing.

Sub-sub kontraktor pengusaha asing ini (yang tidak berdaftar) akan bersaing dengan pengusaha-pengusaha kecil (terutamanya pengusaha Bumiputera) untuk mendapatkan projek. Akibatnya, kerja-kerja untuk sub kontrak ini akan diberi kepada pengusaha asing, yang secara relatifnya menawarkan harga lebih murah. Secara khusus, penglibatan pengusaha asing boleh melambatkan usaha meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam aktiviti perniagaan melalui dua cara. Pertama, peluang perniagaan kepada sub-sub kontraktor Bumiputera akan berkurangan kerana tidak mampu bersaing dari segi kos dan pulangan. Kedua, mewujudkan budaya perniagaan 'Ali-Baba' baru daripada 'Melayu-bukan Melayu' kepada 'Melayu-Bukan Warga.' Kebanyakan pengusaha asing, sama ada melalui syarikat mereka sendiri rasmi atau tidak rasmi atau dengan kerjasama dengan pengusaha tempatan, akan menggunakan pekerja dari negara asal mereka.

Selain menutup peluang pekerja tempatan, kemasukan buruh asing yang rata-ratanya bukan pekerja mahir, akan memperlahankan upah dalam sektor berkaitan. Bagi sesetengah sektor, pergantungan berlebihan kepada buruh asing menyebabkan faktor upah pekerja tidak mahir menjadi tegar (tepu) atau mungkin berkurangan. Besar kemungkinan upah pekerja tidak mahir di kalangan penduduk tempatan meningkat pada kadar yang jauh lebih rendah daripada kadar peningkatan pendapatan per kapita negara. Keadaan ini akan meluaskan jurang perbezaan pendapatan dalam ekonomi. Secara khusus, kemasukan pekerja asing boleh melambatkan usaha mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dalam masyarakat juga melalui dua cara.

Pertama, kemasukan itu akan menambah bilangan pekerja baru yang muda dan tidak mahir, dan seterusnya membawa perubahan dalam struktur umur tenaga buruh. Perubahan itu boleh meningkatkan ketidaksamaan pendapatan walaupun tidak terdapat perubahan dalam struktur upah dan pendapatan. Kedua, kemasukan secara beramai-ramai itu akan merendahkan secara relatif upah pekerja tidak mahir sementara upah pekerja mahir dan pulangan pemilik modal terus meningkat. Akibatnya, jurang perbezaan pendapatan dalam masyarakat akan melebar. Anjakan jenis pekerjaan daripada buruh ke pengusaha kini berbentuk *petty traders* dan dalam sektor tidak formal. Fenomena *petty traders* ini wujud di Chow Kit, Petaling Street di Kuala Lumpur sementara di Klang pula kewujudan Little India. Selain itu, pekan sempadan seperti Wang Kelian dan Padang Besar di Perlis pula dikuasai oleh pengusaha dari Thailand. Kini pengusaha asing juga terlibat sebagai orang tengah dalam sektor-sektor formal sama ada melalui status mereka sebagai 'pegawai dagang' atau melalui usaha sama dengan pengusaha tempatan.

Walaupun kehadiran pekerja-pengusaha ini dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi ia tetap menimbulkan masalah. Antaranya, kewujudan pekerja-pengusaha asing ini ia boleh menghadkan pencapaian dasar kerajaan untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan. Ia juga menghadkan usaha untuk beralih kepada aktiviti ekonomi berintensifkan teknologi dan nilai ditambah lebih tinggi.


### 2.3 SITUASI INFLASI DI MALAYSIA

Kadar adalah istilah ekonomi yang merujuk pada perubahan indeks harga. Kadar inflasi suatu negara dinilai berdasarkan tahap kenaikan harga untuk tempoh masa yang tertentu. Kadar inflasi mempengaruhi kuasa beli penduduk dan mampu mempengaruhi struktur dan perkembangan ekonomi sesebuah negara. Dalam bahasa mudahnya, semakin tinggi kadar inflasi di Malaysia contohnya, nilai matawang Malaysia akan semakin mengecil. Kadar inflasi juga sangat berbeza antara satu sama lain. Ada negara yang mencapai 2 digit bagi nilai inflasi malah ada yang lebih daripada itu. Ada juga negara yang mencapai kadar inflasi yang negatif. Ini disebabkan harga harga yang semakin jatuh.

Inflasi di Malaysia pada ketika ini boleh diurus meskipun peningkatan tekanan bagi kadar digerakkan antara 3.0 dan 3.3 peratus tahun ini berdasarkan Ketua Ekonomi RAM Holdings Group Dr Yeah Kim Leng. Secara puratanya, inflasi Malaysia berada pada tiga peratus kecuali pada 2008 apabila ia meningkat hampir kepada lima peratus. Selain itu, pengukuhan ringgit akan mengimbangi beberapa kesan inflasi. . Buat masa ini, inflasi tidak akan dirasakan dengan jelas. Jika pertumbuhan ekonomi negara berkembang enam peratus, kita akan merasai kesan inflasi. Kenaikan harga barang keperluan juga menunjukkan berlakunya inflasi. Kenaikan tersebut disebabkan negara pengeluar tidak dapat memenuhi permintaan akibat bencana alam dan faktor-faktor lain. Inflasi juga berlaku apabila kenaikan permintaan melebihi pengeluaran kesan daripada kenaikan pendapatan yang tinggi.

Inflasi bukan sahaja berlaku di Malaysia malah merupakan masalah global yang sering melanda terutamanya negara yang mengalami pertumbuhan pesat. Jadual 2.1 menunjukkan perbandingan kadar inflasi antara negara-negara dunia.

Rajah 2.1 : Inflasi Mengikut Negara-Negara Dunia




Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (2006-2010)

Rajah 2.1 menunjukkan kadar inflasi mengikut negara-negara dunia. Burma menunjukkan kadar inflasi yang tertinggi di dunia iaitu 35% manakala Jepun dan Nigeria pula menunjukkan kadar inflasi yang terendah di dunia iaitu masing masing 0.1%. Venezuela pula menunjukkan kadar inflasi yang tertinggi di benua Amerika iaitu melebihi 18.7%. Negara-negara yang mencatatkan kadar inflasi tertinggi ialah Zimbabwe, Burma, Guinea, Venezuela manakala negara-negara yang mencatatkan kadar inflasi yang rendah ialah San Marino, Northern Mariana Islands, Burkina Faso, Japan dan Nigeria.

## 2.4 SITUASI KDNK DI MALAYSIA

Keluaran dalam negara kasar (KDNK) sesebuah negara adalah satu cara untuk mengukur ekonomi nasional. KDNK bermaksud jumlah nilai pasaran keseluruhan barang dan perkhidmatan terakhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara pada masa tertentu, lazimnya dalam tahun kalendar. Ia juga mengambil kira jumlah nilai yang dicampur pada setiap peringkat pengeluaran untuk barang dan perkhidmatan terakhir yang dihasilkan dalam sesebuah negara pada masa tertentu, dan diberi dalam nilai wang.

Rajah 2.2:Kadar Pertumbuhan KDNK (Harga Malar 2000)



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (2007-2010)

Rajah 2.2 menunjukkan kadar pertumbuhan KDNK negara dari tahun 2007 hingga 2010 dengan harga malar pada tahun 2000. Pada suku tahun pertama hingga keempat

2007 kadar pertumbuhan KDNK bertumbuh dengan pesat apabila meningkat dari 5.7% kepada 7.5%. iaitu peratus peningkatan sebanyak 37.58 peratus. Pada suku tahun 2008 peningkatan ini berterusan sebanyak 0.1% tetapi pada suku tahun kedua 2008 pertumbuhan KDNK jatuh kepada 6.5% dan terus jatuh 0.1 % pada suku tahun keempat 2008. Pada suku tahun 2009 pertumbuhan KDNK menunjukkan angka negatif iaitu -6.2%. Tetapi keadaan ini tidak kekal lama apabila pada suku tahun kedua 2009 pertumbuhan KDNK sedikit memuaskan apabila menunjukkan angka -3.9. Walaupun masih menunjukkan angka negatif tetapi masih berlaku pertumbuhan. Pada suku tahun ketiga 2009 pertumbuhan KDNK terus meningkat dan akhirnya mencapai angka positif pada suku tahun keempat 2009 iaitu 4.4% dan terus bertumbuh pada suku tahun 2010 kepada 10.1%.

#### **2.4.1 Prestasi Output Mengikut Sektor**

Secara keseluruhannya, output sektor ekonomi utama dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan dengan kemerosotan paling ketara di sektor perkilangan. Prestasi sektor utama adalah bercampur-campur dengan sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi manakala sektor perlombongan kekal tidak berubah. Dalam sektor sekunder, sektor yang paling terjejas ialah sektor perkilangan dengan pertumbuhannya berkurang dengan ketara, sementara sektor pembinaan mendapat faedah daripada perbelanjaan fiskal sektor awam yang meningkat. Prestasi sektor perkhidmatan juga bercampur-campur dengan sektor kecil seperti elektrik dan gas serta pengangkutan yang terjejas akibat kemerosotan sektor perkilangan. Sektor kecil ini mencatatkan pertumbuhan sederhana, sementara sektor perkhidmatan kerajaan dan sektor kecil perkhidmatan lain dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi.

Selepas mencatatkan pertumbuhan tinggi dua digit untuk tujuh suku tahun berturut-turut, nilai ditambah sektor perkilangan dijangka berkurangan dengan ketara kepada 0.2% pada tahun 2001 (2000: 21%). Pengurangan ini adalah disebabkan sebahagian besarnya daripada pasaran global yang lembab bagi keluaran elektronik. Memandangkan keluaran elektronik merupakan hampir separuh daripada eksport

barangan perkilangan Malaysia, prestasi output industri elektronik yang telah merosot kepada 13.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001 (Januari-Julai 2000: 15.1%) amat menjejaskan pertumbuhan sektor perkilangan. Sungguhpun industri berorientasikan pasaran eksport terjejas akibat kelemahan permintaan luar, industri berorientasikan pasaran dalam negeri adalah lebih berdaya tahan disebabkan terutamanya oleh peningkatan output industri bahan binaan, peralatan pengangkutan dan keluaran pengguna serta industri berasaskan sumber. Peningkatan pengeluaran dalam industri-industri ini telah menjadi pendorong kepada pertumbuhan dan dapat menyerap sebahagian daripada kemerosotan dalam sektor perkilangan. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor ini telah menyebabkan sumbangannya kepada KDNK berkurang dengan ketara kepada 0.1 mata peratusan daripada pertumbuhan KDNK benar (2000:6.3 mata peratusan).

Sektor pertanian, penternakan, perhutanan dan perikanan dijangka berkembang pada kadar lebih tinggi sebanyak 1.2% (2000: 0.6%). Ini berpunca daripada output minyak kelapa sawit yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, output getah dan balak terus merosot. Dalam sektor perlombongan, pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dijangka akan mengatasi kemerosotan pengeluaran minyak mentah. Oleh itu, sektor ini dijangka meningkat perlahan sebanyak 0.9% (2000: 3.1%). Nilai ditambah bagi sektor pembinaan, sebaliknya dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 4.9% (2000: 1%) didorong oleh program pengembangan fiskal Kerajaan, terutamanya bagi projek infrastruktur dan pembinaan rumah kediaman kos rendah dan sederhana.

Sektor perkhidmatan dijangka mengekalkan pertumbuhannya pada 4.4% (2000: 4.8%). Sementara sektor elektrik, gas dan air, jualan borong dan runcit serta hotel dan restoran dijangka mencatatkan pertumbuhan yang sederhana selaras dengan kemerosotan dalam sektor perkilangan yang lembab dan sentimen pengguna yang lemah, sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka mencapai pertumbuhan kukuh. Ini disebabkan oleh kadar faedah yang rendah yang mendorong lebih banyak pinjaman bank, terutamanya untuk perumahan dan barang pengguna tahan lama serta permintaan yang lebih tinggi untuk produk insurans. Memandangkan sektor perkhidmatan menyumbang 54.6% kepada KDNK,

pertumbuhan kukuh sektor ini serta jangkaan kemerosotan ketara daripada sumbangan sektor perkilangan menjadikan sektor perkhidmatan sebagai penyumbang terbesar, iaitu 2.3 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2000: 2.6 mata peratusan).

## **2.5 TREN PENGGUNAAN PEKERJA ASING MENGIKUT SEKTOR**

Ekonomi Malaysia berkembang maju dalam tahun 2002 yang dipengaruhi oleh perkembangan permintaan tempatan dan prestasi eksport yang membanggakan. Peningkatan dalam permintaan tempatan adalah dipengaruhi oleh perbelanjaan pengguna yang meningkat, pemulihan berterusan aktiviti pelaburan dan pengembangan perbelanjaan sektor awam. Dalam tahun 2002, produktiviti meningkat kepada RM24,013 (2001:RM23,437), dengan pertumbuhan sebanyak 2.5% (2001: 0.3%) (Rajah 1.1). Pertumbuhan yang positif ini dicapai melalui kapasiti penggunaan yang tinggi dalam industri kesan dari peningkatan permintaan luar negara dan tempatan. Adalah amat penting bagi ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang positif ini dikekalkan. Salah satu perkara yang perlu diberi tumpuan ialah peningkatan sumbangan Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP) terhadap pertumbuhan ekonomi. Usaha ke arah pertumbuhan TFP dan strategi pertumbuhan berasaskan produktiviti dan kualiti seperti kecekapan penggunaan sumber yang produktif dan kecekapan sistem pengeluaran akan menjadikan ekonomi lebih berdaya saing. Usaha tersebut akan mempercepatkan peralihan ekonomi dari berasaskan pengeluaran kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Produktiviti Faktor Menyeluruh adalah penting dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan, di mana ia mengukur perubahan teknikal endogen dan ciri-ciri lain ekonomi berasaskan pengetahuan. Faktor seperti sumber manusia, inovasi, dan pelaburan dalam teknologi, dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) merupakan satu tahap dalam meningkatkan daya saing ekonomi.

Jadual 2.1 : Pertumbuhan Produktiviti Dan Output Mengikut Sektor(%)

Produktiviti			KDNK	
	2001	2002*	2001	2002*
Malaysia	0.29	2.46	0.40	4.24
Produktiviti			Output	
	2001	2002*	2001	2002*
Pertanian	2.29	1.11	2.11	1.14
Perlombongan & Kuari	-0.38	1.90	0.14	2.05
Pembuatan	-3.42	3.32	-5.48	5.15
Pembinaan	0.39	2.51	2.03	3.84
Elektrik, Gas & Air	2.53	2.93	4.89	7.25
Pengangkutan	2.12	1.35	4.62	5.37
Perdagangan	1.54	1.14	2.66	3.76
Kewangan	4.93	2.75	5.45	8.25
Perkhidmatan Kerajaan	3.52	3.36	5.07	4.34
Perkhidmatan Lain	0.13	1.03	0.65	3.24

Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara, Malaysia

## 2.6 SOROTAN KAJIAN

Kemasukan buruh asing ini memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan dan kadar upah yang diterima oleh pekerja tempatan. Kesan ini berbezaan antara satu negara dengan negara lain bergantung kepada campur tangan kerajaan, peranan kesatuan sekerja, pencapaian pendidikan dan kemahiran di kalangan penduduk tempatan (Johnson 1980 & Chiswick 1983). Kajian Chiswick (1983), mendapati bahawa kesan kemasukan buruh asing ke dalam pasaran buruh Amerika Syarikat pada awalnya tidak menjejaskan kadar upah dan peluang pekerjaan bagi

pekerja tempatan , tetapi apabila semakin lama buruh asing berkenaan bermukim di Amerika Syarikat, kadar upah dan peluang pekerjaan penduduk tempatan semakin merosot. Keadaan menjadi semakin teruk apabila semakin ramai buruh asing tanpa izin yang dibawa masuk ke dalam pasaran buruh negara tersebut.

Kajian Lodge and Moncarzs (1984) di negara yang sama mendapati bahawa kedatangan awal pendatang Cuba-Amerika di Selatan Florida sebelum tahun 1970-an telah memberikan sumbangan besar terhadap pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut. Tahap pencapaian pendidikan, kemahiran dan keusahawanan tinggi yang dimiliki oleh penghijrah Cuba dipercayai merupakan faktor yang paling penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang pesat di kawasan berkenaan. Tetapi, kemasukan pendatang Cuba baru dalam tahun 1980-an cenderung menjadi lebih pesimis, terutamanya apabila semakin ramai pelarian Cuba yang masuk ke Florida secara haram. Mereka ini dipercayai menjadi faktor penghambat yang merendahkan pertumbuhan ekonomi Florida dalam tahun 1980-an.

Perubahan struktur ekonomi yang serupa berlaku di Eropah dan menyebabkan meningkatnya kemasukan buruh asing ke negara berkenaan. Namun, kesan kemasukan mereka ke atas pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan dan kadar upah pekerja tempatan tidak begitu ketara (Zimmermann 1995; De Vorets 1998; Venturini 1999). Kajian yang dilakukan oleh Zimmermann(1995) menunjukkan bahawa kemasukan buruh asing tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan dan kadar upah yang diterima oleh pekerja tempatan. Kemasukan buruh asing ini lebih bersifat penggenap kepada pekerja tempatan. Ini kerana kemasukan mereka telah mendorong kepada pembentukan modal, pertumbuhan ekonomi dan penciptaan peluang pekerjaan baru kepada pekerja tempatan.

Banyak penyelidikan telah dijalankan untuk menyiasat hubungan antara pekerja tempatan dan asing. Satu kajian oleh Dupuy dan DeGrip (2003) menganggarkan keanjalan penggantian di antara tenaga pekerja di Denmark. Mereka membahagi bahagikan para pekerja oleh tahap pendidikan mereka dan kemahiran pekerjaan. Mereka mendapati pekerja mahir dengan semua input buruh yang lain dan modal

mempunyai keanjalan yang lebih tinggi penggantian di firma-firma yang lebih besar daripada firma-firma yang lebihkecil. Selain itu, keanjalan penggantian antara pekerja mahir dan tidak mahir juga yang lebih besar dalam firma besar. Seterusnya, Idris dan Rahmah (2006) menyiasat kebolehgantian antara pekerja tempatan dan asing pada kategori pekerjaan yang berbeza. Mereka membahagikan kategori pekerjaan di Malaysia dengan kemahiranyang terdiri tempatan dan pekerja asing separuh mahir, tidak mahir pekerja tempatan dan asing. Mereka mendapati bahawa kedua-dua tempatan dan pekerja asing gantian pada pelbagai kategori pekerjaan.

Di Asia, perubahan struktur ekonomi dan kesannya terhadap kemasukan buruh asing juga memperlihatkan keadaan yang tidak jauh berbeza dengan pengalaman yang dialami di Amerika Syarikat dan di Eropah. Perubahan struktur ekonomi di kawasan ini telah menyebabkan permintaan terhadap buruh asing bertambah dengan cepat, terutama di negara-negara yang berjaya menjadi pengeksport utama keluaran dunia, seperti Jepun dan Korea Selatan (Islam 1987). Di Jepun misalnya, import tenaga kerja asing kurang mahir bermula secara selektif sejak pertengahan tahun 1980-an, setelah berlakunya kenaikan nilai tukar wang Yen pada tahun 1985. Umumnya pekerja yang diimport berasal dari negara di kawasan ASEAN, seperti Indonesia, Filipina dan Thailand. Sebahagian besar daripada mereka, khususnya pekerja wanita bekerja sebagai penghibur. Sementara itu, ramai pekerja asing lelaki tertumpu dalam pekerjaan yang bersifat 3D (*dirty, dangerous and demanding*). Kemasukan buruh asing ke dalam pasaran buruh negara berkenaan tidak menjejaskan kadar upah dan peluang pekerjaan bagi pekerja tempatan. Ini kerana jenis pekerjaan yang diceburi mereka adalah berbeza dengan pekerjaan pekerja tempatan (Kanfur & Mustafa 1998).

Di Malaysia, kemasukan buruh asing dari berbagai negara sudah lama terjadi, namun import tenaga kerja secara rasmi dari Indonesia hanya bermula pada pertengahan tahun 1980-an, iaitu setelah membuat perjanjian persefahaman antara Malaysia-Indonesia di Medan (Indonesia) dalam tahun 1984 (Azizah Kasim 1994; Muhammad Anuar Adnan 1997; & Zulkifly Osman 1998). Import buruh asing yang berasal dari Indonesia ini adalah bertujuan bagi mengisi kekurangan tenaga kerja yang berlaku dalam sektor pertanian, khususnya sektor perladangan. Kekurangan buruh ini begitu

kritikal sehingga menjejaskan pengeluaran sektor berkenaan. Kajian oleh United Planters Association of Malaysia (UPAM) umpamanya menemukan bahawa subsektor perladangan getah dan kelapa sawit mengalami kerugian sebanyak RM370 juta antara tahun 1980-1985 sebagai ekoran daripada kekurangan pekerja dalam sektor berkenaan. Pada tahun 1986, seramai 9,000 tenaga kerja diperlukan dalam sektor berkenaan agar kerugian yang sama tidak berulang (Zulkifly Osman 1998). Kekurangan buruh ini tidak hanya terbatas kepada sektor pertanian sahaja, malahan menukar ke sektor-sektor lain dalam ekonomi, khususnya sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Kekurangan tenaga kerja ini semakin dirasai setelah Malaysia berjaya meningkatkan eksport keluaran sektor pembuatannya ke berbagai negara semenjak pertengahan tahun 1980-an (Mohd. Hisham A. Samad 1996). Kekurangan buruh dalam sektor pembuatan yang paling ketara pada masa itu ialah dalam bidang operator dan teknikal. Bagi mengelak meningkatnya tekanan ke atas kenaikan upah, maka kerajaan telah membuka pasaran buruhnya kepada buruh asing dari berbagai negara untuk mengimport pekerja ke Malaysia, seperti Indonesia, Bangladesh dan Filipina.

Dari segi kajian khusus mengenai buruh asing di Malaysia, kajian oleh Azizah (1998a, 1998b), Zehadulet al. (1999), Pillai (1998), Kur us' (1998), dan Solehah dan Dicks (1999) adalah instruktif. Walaupun memberikan satu gambaran yang baik tentang sejarah dan kedudukan semasa buruh asing di Malaysia, kedua-dua kajian (1998a dan 1998b) Azizah juga memandangkan ke arah perbuatan kerajaan dan peraturan-peraturan yang berhubungan dengan pekerja asing, dan menekankan masalah penyusunan data untuk penyelidikan pada isu-isu buruh. Azizah menyimpulkan dengan memanggil satu dasar yang lebih telus dan menyeluruh kepada buruh asing yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Pillai's (1998) membuat kajian tentang kesan krisis ekonomi ke atas keadaan pendatang buruh di negara ini. Beliau meramalkan bahawa krisis ini akan menggalakkan aliran masuk yang menyalahi undang-undang yang terhasil dari tekanan penghijrahan yang meningkat daripada negara-negara yang menghantar, walaupun semasa ia mengurangkan aliran masuk undang-undang. Krisis ini juga akan mungkin membawa hakisan pendapatan dan syarat-syarat kerja untuk pekerja asing yang individu, lebih-lebih lagi kerana mereka

yang dominan dalam sektor-sektor seperti pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan akhir yang rendah dan terjejas akibat krisis. Seperti Azizah, Pillai juga dipanggil untuk dasar yang lebih menyeluruh kepada buruh asing, dan memberikan cadangan-cadangan tentang bagaimana ini boleh dilaksanakan dengan cara yang beransur-ansur.

Kajian Kur us' (1998) tertumpu lebih khusus mengenai kesan krisis kepada buruh asing di Sabah, sebuah negeri di Malaysia Timur dimana buruh asing membentuk sebahagian besar daripada penduduk. Kajian Kur us' menyimpulkan dengan menekankan keperluan untuk mekanisme yang lebih sistematik untuk memantau dan memudahkan pergerakan pekerja asing di rantau ini melalui perjanjian pelbagai hala. Di samping itu, Solehah dan Dicks' (1999) mencerminkan kepada masa depan penggunaan buruh asing di Malaysia, dan khususnya, sama ada Malaysia dalam realiti boleh mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Kajian ini menganjurkan bahawa Malaysia telah tiada "tidak fleksibel" dan memerlukan pekerja asing, tetapi firma-firma di Malaysia akan terus menuntut buruh asing selagi ia kekal sebagai alternatif yang kos efektif. Oleh itu, dalam usaha untuk mengurangkan permintaan terhadap buruh asing di peringkat firma, pelarasan yang mendadak dalam kos relatif dan produktiviti akan diperlukan.

Banyak kajian mendapati kesan sama iaitu ada positif atau negatif pendatang pada produktiviti. Sebagai contoh, Tsao (1985) mendapati bahawa pertumbuhan TFP adalah sangat rendah industri pembuatan di Singapura kerana dasar gaji rendah yang digabungkan dengan kemasukan buruh asing berkemahiran rendah. Satu kertas baru ini oleh Lull (2008) mencadangkan kesan negatif pendatang produktiviti. Sebagai akibatnya, apa-apa pertambahan kadar imigresen akan mengurangkan gaji purata. Selain itu, hasil Sepanyol juga menunjukkan bahawa pekerja-pekerja domestik adalah lebih produktif berbanding pekerja asing. Beberapa orang penyelidik telah juga mendapati kesan positif imigresen ke atas penerima ekonomi. Kajian baru-baru ini Kangesniemietal (2007) mendapati bahawa pekerja-pekerja asing lebih produktif daripada pembantu rumah di United Kingdom(UK).

Terdapat banyak kajian yang dijalankan ke atas kesan pendatang asing dari sudut yang berbeza dan hubungan antara pekerja tempatan dan asing, tetapi pada ketika ini

adalah penting untuk mengenali lebih lanjut mengenai kesan ekonomi pekerja asing terhadap produktiviti pekerja terutama dalam sektor perkilangan di Malaysia. Selain itu, ia juga penting untuk mengkaji hubungan antara buruh tempatan dan buruh asing; sama ada pengganti atau penggenap mereka. Dasar cadangan mengenai kesan gaji minimum pada permintaan asing buruh telah berdasarkan kajian itu. Sebagai contoh Meier (2004) dan Shimada (2004) mendapati bahawa pengenalan atau kenaikan gaji minimum akan mengurangkan permintaan pekerja asing di Jermantan Hong Kong masing-masing.

Kajian terkini oleh Parasnis (2010) menyiasat hubungan antara pribumi buruh, kehadiran buruh dan modal. Secara umum, beliau mendapati pekerja asing menggantikan pekerja asli. Beliau menganggarkan keanjalan penggantian dan menunjukkan bahawa buruh dan modal yang asli adalah pengganti, manakala pendatang buruh dan modal adalah pelengkap.

## **2.7 KESIMPULAN**

Kedatangan pekerja asing ke Malaysia boleh dikatakan dapat menampung kekurangan tenaga buruh di Malaysia. Sekiranya kedatangan mereka menyebabkan pertambahan tenaga kerja melebihi daripada peluang pekerjaan yang ada di Malaysia, barulah ianya akan mengurangkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Sekarang ini, kedatangan pekerja asing menambahkan penawaran tenaga buruh dalam sektor ekonomi tertentu dan kesannya menambahkan keluaran negara dan menurunkan kadar upah atau gaji bagi pekerja dalam sektor tersebut. Semakin ramai pekerja asing yang datang, maka makin rendah kadar upah dalam pasaran buruh tertentu. Kajian jelas menunjukkan bahawa penggunaan buruh lebih signifikan dalam sektor sekunder dan sektor tertier berbanding sektor primer kerana dominasi sektor primer sebelum 70-an telah berakhir dan negara lebih fokus kepada sektor yang boleh memberi sumbangan terbesar kepada pendapatan negara iaitu sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan tanpa mengabaikan sumbangan sektor primer yang terdiri daripada sektor pertanian. Peralihan ini didorong oleh peralihan teknologi di dunia. Sebagai negara sedang

**membangun, Malaysia tetap waspada dengan perkembangan antarabangsa untuk menyaingi dan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.**

## **BAB 3**

### **SPESIFIKASI MODEL KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Malaysia adalah di antara negara membangun yang semakin merapatkan jurang pembangunan dengan negara maju. Sebahagian besar kejayaan ini disebabkan oleh tiga faktor iaitu kejayaan Malaysia dalam menggembelng sumber manusia dan modal dengan lebih berkesan, keterbukaan Malaysia kepada perdagangan antarabangsa dan pelaburan dan pembangunan secara tersusun ke arah ekonomi berasaskan perindustrian dan perkhidmatan. Untuk mengekalkan kadar pertumbuhan pada masa depan, Malaysia perlu membuat pengubahsuaian secara berterusan supaya tidak ketinggalan dalam arus ekonomi antarabangsa semasa. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan telah memfokuskan kepada langkah mengukuhkan sektor-sektor ekonomi sedia ada tetapi pada masa yang sama menjana aktiviti-aktiviti baru yang berasaskan pengetahuan, terutama dalam teknologi maklumat dan komunikasi, bioteknologi dan sektor-sektor perkhidmatan.

Daya saing Malaysia dalam jangka masa panjang juga diperkukuhkan dengan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Ketiga bagi memastikan Malaysia terus menjadi lokasi yang menarik pelaburan langsung asing dan mengekalkan daya saingnya sebagai negara perdagangan utama di peringkat global. Persaingan bagi pelaburan dan peluang pekerjaan menjadi lebih sengit. Di samping menghadapi saingan hebat dari negara China dan India, negara-negara membangun lain di rantau Asia semakin gigih membangunkan ekonomi masing-masing. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak terlindung daripada persekitaran yang semakin kompetitif, lebih-lebih lagi dengan bermulanya era ICT.

Pertumbuhan ekonomi tidak terpisah daripada pengaruh luaran. Oleh itu, Malaysia telah mengamalkan dasar luar negara yang dapat memberi manfaat sepenuhnya bagi mencapai Misi Nasional. Malaysia telah berusaha menggalakkan persekitaran luar yang kondusif untuk mencapai matlamat RMK-9. Selain itu, Malaysia juga telah berusaha dalam mengukuhkan kerjasama serta keamanan dan kestabilan di dalam dan luar rantau ini, kerana tanpanya ekonomi negara sukar berkembang. Malaysia juga telah mengambil inisiatif secara agresif meneroka pasaran, mempromosi eksport, menarik pelaburan dan meningkatkan pelancongan. Malaysia akan berunding dan menyertai perjanjian perdagangan dua hala dan serantau yang dapat memberikan manfaat kepada Malaysia. Untuk itu, Malaysia akan memperbaiki kapasiti dalam pelbagai institusi yang bertanggungjawab untuk memelihara dan mempromosikan kepentingan di luar negara.

Bab ini merangkumi spesifikasi kajian di mana ia mengandungi teori-teori kajian, model kajian, penggunaan data kajian, pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian dan ujian-ujian yang dikenakan ke atas model bagi mengkaji kesan penggunaan buruh asing kepada pertumbuhan output mengikut sektor ekonomi di Malaysia. Spesifikasi kajian ini juga merangkumi segala andaian dan sistem asas yang menjadi asas kepada penyelidikan. Keseluruhan bab ini menerangkan segala andaian dan sistem nilai yang menjadi asas kajian seperti kriteria yang digunakan untuk mentafsir data dan mencapai kesimpulan, model teori, pengukuran dan pembinaan instrumen serta kaedah persampelan, mengumpul data dan analisis data.

### **3.2 SUMBER DATA KAJIAN**

Kajian ini telah memilih penggunaan buruh asing dalam tiga sektor utama di Malaysia iaitu sektor primer, sektor sekunder dan sektor tertier dan kesannya kepada pertumbuhan output ketiga-tiga sektor tersebut. Kajian ini juga dijalankan di Malaysia dari tahun 1989 hingga 2008. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan data sekunder dalam bentuk siri masa dari tahun 1989 hingga 2008. Data sekunder merupakan data yang telah diterbitkan. Siri masa pula

merangkumi 20 tahun. Pembolehubah kajian melibatkan dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Dalam kertas kerja ini, pembolehubah bersandar ialah pertumbuhan output mengikut sektor ekonomi utama di Malaysia dan pembolehubah bebas pula merangkumi buruh yang digunakan dalam sektor-sektor tersebut. Data tersebut boleh diperolah dari Bank Dunia, Bank Negara, Jabatan Perangkaan, Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Rancangan Malaysia dan pangkalan data IMF.

### 3.3 SPESIFIKASI MODEL KAJIAN

#### Model Regresi Berbilang

$$KDNK_t = f(S1_t, S2_t, S3_t)$$

$$Y = B_0 + B_1X_1 + B_2X_2 + B_3X_3 + \mu$$

Dimana :

Y = Pertumbuhan Output/KDNK

X<sub>1</sub> = Penggunaan buruh dalam sektor primer

X<sub>2</sub> = Penggunaan buruh dalam sektor sekunder

X<sub>3</sub> = Penggunaan buruh dalam sektor tertier

Spesifikasi model kajian adalah penting untuk menjawab persoalan kajian yang telah diutarakan. Kesemua pembolehubah kajian ditukar kepada log untuk mengelakkan penganggaran regresi palsu. Terdapat dua cara untuk mengesan kepegunan iaitu pertama merujuk kepada nilai paras keyakinan ( $R^2$ ) serta nilai Durbin Watson (DW). Jika nilai pekali aras keyakinan lebih rendah berbanding nilai DW maka data yang dianggarkan diklasifikasikan berada pada keadaan pegun. Kedua, kepegunan data kajian juga ditentukan. Ujian kepegungan yang dilaksanakan adalah dengan menggunakan ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan ujian Phillip-Perron (PP).

Lantaran itu, sebagai jalan penyelesaian, hal ini boleh di modelkan semula dalam bentuk Vektor Auto-Regresi (VAR). Model ini juga menggunakan Ujian Penyebab Mwald. Model yang digunakan adalah Model Augmented Engle-Granger.

### 3.3.1 Ujian Kepegunan

Spesifikasi model kajian adalah penting untuk menjawab persoalan kajian yang telah diutarakan. Kesemua pemboleh ubah kajian ditukar kepada log untuk mengelakkan penganggaran regresi palsu. Terdapat dua cara untuk mengesan kepegunan iaitu pertama merujuk kepada nilai paras keyakinan ( $R^2$ ) serta nilai Durbin Watson (DW). Jika nilai pekali aras keyakinan lebih rendah berbanding nilai DW maka data yang dianggarkan diklasifikasikan berada pada keadaan pegun. Kedua, kepegunan data kajian ditentukan dengan menggunakan Ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan Ujian Phillip-Perron (PP).

Zulkefly et al. (2010) menyatakan ujian punca unit dilakukan untuk melihat tahap kepegunan setiap pemboleh ubah. Sesuatu pemboleh ubah dikatakan pegun jika min dan variannya adalah konstan melalui masa. Ia boleh menjadi pegun sama ada dalam peringkat paras, atau pun pembezaan. Setiap pemboleh ubah dalam persamaan regresi perlu pegun pada tahap yang sama, iaitu sama ada semua pemboleh ubah pegun dalam bentuk paras atau semua pemboleh ubah pegun dalam bentuk pembezaan, misalnya pembezaan pertama. Syarat ini perlu dipenuhi agar anggaran yang didapati sah digunakan. Jika tidak, anggaran regresi palsu akan wujud, iaitu keputusan anggaran didapati sangat baik tetapi hubungan sebenarnya tidak wujud.

Ujian kepegunan ADF mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkorelasi dan mempunyai varian yang malar. Manakala, ujian PP dilihat mempunyai kekuatan tersendiri kerana ia mengambil kira masalah-masalah yang berkemungkinan dihadapi dalam faktor gangguan, terutamanya jika varian dalam faktor gangguan adalah bersifat tidak malar. Tempoh lat yang dipilih bagi Ujian ADF adalah berpandukan Kriteria Maklumat Akaike (AIC), di mana tempoh lat yang menghasilkan nilai AIC terkecil akan diterima sebagai lat optimum.

### 3.3.2 Model Augmented Engle-Granger

Ujian sebab-akibat Granger dilakukan untuk melihat hubungan sebenar antara pemboleh ubah kajian. Menurut Granger (1969), sesuatu pembolehubah Y itu dikatakan sebagai penyebab Granger kepada pembolehubah X, apabila maklumat-maklumat lepas pembolehubah Y adalah signifikan dalam membuat peramalan ke atas nilai X. Ujian ini juga menguji arah aliran penyebab antara pemboleh ubah sama ada pemboleh ubah kajian mempunyai hubungan satu hala atau hubungan dua hala. Apabila pembolehubah X mempengaruhi pembolehubah Y maka perubahan X berlaku dahulu dan diikuti oleh Y. Ujian ini tidak perlu dilakukan jika dua atau lebih pemboleh ubah berko-integrasi antara satu sama lain. Akan tetapi, ujian ini perlu untuk menerangkan arah aliran hubungan pemboleh ubah secara menyeluruh.

### 3.3.3 Ujian Penyebab MWALD

Ujian Wald atau dikenali sebagai ujian F pula digunakan untuk mengkaji kesignifikanan parameter yang teranggar pada darjah kebebasan yang biasanya tidak melebihi 10 peratus. Sekiranya Ujian Wald yang diperolehi menunjukkan parameter yang dianggarkan adalah tidak signifikan, maka pembolehubah penentu itu akan dikatakan tidak penting untuk digunakan sebagai penerangan dalam model tersebut. Model yang cekap akan memberikan nilai  $F^*$  yang lebih besar daripada nilai kritikal F pada aras keertian  $\alpha$ , darjah kebebasan  $(k-1)$  dan  $(n-k)$  dengan  $n$  ialah bilangan cerapan dan  $k$  ialah bilangan parameter dalam model.

Sesuatu penganggar yang baik ia memenuhi kesemua ciri ekonomi, statistik dan ciri ekonometrik yang menjadikan setiap model yang dianggar dapat memberi keputusan ujian positif antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Kriteria statistik pula bertujuan melihat kesignifikanan pembolehubah yang dianggarkan dalam suatu model. Kriteria statistik yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian t, ujian kepadanan ( $R^2$ ), ujian F dan ujian Durbin Watson. Ujian t digunakan untuk menguji kesignifikanan setiap parameter pada aras keertian 5%, dan 10%. Ujian ini bertujuan menentukan pembolehubah bersandar yang dikaji. Menerusi ujian  $R^2$ ,

adalah merujuk kepada perubahan yang berlaku pada pembolehubah bersandar akan dapat diukur iaitu disebabkan oleh variasi yang berlaku dalam pembolehubah bebas.  $R^2$  juga dapat menyatakan peratusan perubahan dalam pembolehubah bebas sesuatu model terhadap perubahan pembolehubah bersandar serta kekuatan hubungan antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Nilai  $R^2$  akan terletak di antara 0 dan 1. Kriteria ekonometrik pula bertujuan melihat sama ada wujud autokorelasi, multikolineariti dan heteroskedasiti.

Ujian F diuji pada aras keertian 1%. Kesemua pembolehubah-pembolehubah bebas dikatakan signifikan dalam menentukan perubahan pembolehubah bersandar jika nilai F lebih besar daripada nilai kritikal. Selain itu, untuk menentukan sama ada wujud heteroskedasiti atau tidak. Jika nilai F lebih besar daripada nilai kritikal maka wujud hetero dan sebaliknya. Ujian Durbin Watson bertujuan memastikan kewujudan korelasi antara pembolehubah-pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Jika nilai DW kurang daripada nilai kritikal  $d_L$  bermakna wujud korelasi positif. Jika nilai DW lebih daripada nilai kritikan  $4-d_L$  pula bermakna wujudnya korelasi negatif. Korelasi dikatakan tidak wujud jika nilai DW berada di antara selang  $d_U$  hingga  $4-d_U$ .

$$\begin{aligned} \begin{bmatrix} \Delta \ln Qp_t \\ \Delta \ln Lp_t \end{bmatrix} &= \begin{bmatrix} \alpha^1 \\ \alpha^2 \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} A^{11,i} & A^{12,i} \\ A^{21,i} & A^{22,i} \end{bmatrix} \\ \begin{bmatrix} \Delta \ln Qp_{t-1} \\ \Delta \ln Lp_{t-1} \end{bmatrix} &+ \begin{bmatrix} A^{11,p} & A^{12,p} \\ A^{21,p} & A^{22,p} \end{bmatrix} \begin{bmatrix} \Delta \ln Qp_{t-p} \\ \Delta \ln Lp_{t-p} \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} \pi^1 \\ \pi^2 \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} \varepsilon_{1t} \\ \varepsilon_{2t} \end{bmatrix} \end{aligned} \quad [1]$$

$$\begin{aligned} \begin{bmatrix} \Delta \ln Qs_t \\ \Delta \ln Ls_t \end{bmatrix} &= \begin{bmatrix} \alpha^1 \\ \alpha^2 \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} A^{11,i} & A^{12,i} \\ A^{21,i} & A^{22,i} \end{bmatrix} \\ \begin{bmatrix} \Delta \ln Qs_{t-1} \\ \Delta \ln Ls_{t-1} \end{bmatrix} &+ \begin{bmatrix} A^{11,p} & A^{12,p} \\ A^{21,p} & A^{22,p} \end{bmatrix} \begin{bmatrix} \Delta \ln Qs_{t-p} \\ \Delta \ln Ls_{t-p} \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} \pi^1 \\ \pi^2 \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} \varepsilon_{1t} \\ \varepsilon_{2t} \end{bmatrix} \end{aligned} \quad [2]$$

$$\begin{aligned} \begin{bmatrix} \Delta \ln Qt_t \\ \Delta \ln Lt_t \end{bmatrix} &= \begin{bmatrix} \alpha^1 \\ \alpha^2 \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} A^{11,i} & A^{12,i} \\ A^{21,i} & A^{22,i} \end{bmatrix} \\ \begin{bmatrix} \Delta \ln Qt_{t-1} \\ \Delta \ln Lt_{t-1} \end{bmatrix} &+ \begin{bmatrix} A^{11,p} & A^{12,p} \\ A^{21,p} & A^{22,p} \end{bmatrix} \begin{bmatrix} \Delta \ln Qt_{t-p} \\ \Delta \ln Lt_{t-p} \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} \pi^1 \\ \pi^2 \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} \varepsilon_{1t} \\ \varepsilon_{2t} \end{bmatrix} \end{aligned} \quad [3]$$

$$H_0 : \pi_1 = \pi_2 = 0$$

$$H_1 : \pi_1 = \pi_2 \neq 0$$

[4]

Persamaan 1 menunjukkan hubungan di antara kuantiti buruh yang digunakan dan kesannya kepada pertumbuhan output dalam sektor primer. Persamaan 2 pula menunjukkan hubungan di antara kuantiti buruh yang digunakan dan kesannya kepada pertumbuhan output dalam sektor sekunder. Persamaan 3 menunjukkan hubungan di antara kuantiti buruh yang digunakan dan kesannya kepada pertumbuhan output dalam sektor tertier. Persamaan 4 ialah hipotesis kajian di mana hubungan di antara penggunaan buruh dan kesan terhadap pertumbuhan output ditentukan. Sekiranya keputusan kajian menunjukkan  $H_0$  diterima maka tidak ada hubungan di antara penggunaan buruh dan pertumbuhan output dalam sektor-sektor ekonomi di Malaysia. Sebaliknya jika  $H_0$  ditolak maka terdapat hubungan yang signifikan di antara penggunaan buruh dengan pertumbuhan output dalam tiga sektor utama.

### 3.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan cara pengumpulan data sekunder, pembentukan model dan ujian penganggaran bagi kaedah kajian iaitu melalui kaedah statistik dan ekonometrik yang terdiri daripada ujian t, ujian kepadanan ( $R^2$ ), ujian F dan ujian Durbin Watson. Kaedah dan ujian yang dijelaskan di atas dapat membantu dalam proses penganalisaan data-data atau maklumat kajian yang diperolehi. Proses analisis data dilakukan supaya hasil kajian yang diharapkan dapat dicapai. Daripada hasil pembentukan spesifikasi model kajian, konsep penganggaran yang lebih bersifat empirikal semakin dekat secara tidak langsung. Secara keseluruhannya, terdapat lima bentuk pendekatan yang dikupas melalui bahagian ini. Pendekatan itu ialah ujian kepegunan, ujian penyebab mwald dengan menggunakan Model Augmented Engle-Granger. Ujian kepegunan diuji dengan menggunakan ujian punca unit.

## BAB 4

### HASIL KEPUTUSAN KAJIAN

#### 4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini kita akan membincang dan menghuraikan keputusan kajian berkenaan penggunaan buruh dan pertumbuhan output mengikut sektor ekonomi di Malaysia. Keputusan kajian ini menghuraikan keputusan ujian kepegunan dan ujian Regresi Augmented Engle-Granger (Toda Yamamoto) untuk pemilihan modal yang terbaik. Pendekatan Engle-Granger (1987), ujian 'Granger causality' adalah untuk mempertimbangkan keteguhan keputusan. Prosedur ini dicadangkan oleh Toda dan Yamamoto (1995) dengan objektif untuk mengatasi masalah tidak sah nilai 'asymptotic' kritikal apabila ujian 'Granger causality' yang dilakukan di hadapan bukan siri-pegun.

Zapata dan Rambaldi (1997) menjelaskan bahawa kelebihan menggunakan prosedur Toda-Yamamoto adalah untuk menguji 'Granger causality' dalam rangka kerja VAR, ia tidak perlu untuk pra-ujian pembolehubah untuk integrasi dan hartanah 'cointegration', dengan syarat perintah maksimal integrasi proses tidak melebihi panjang lag benar model VAR. Menurut Toda dan Yamamoto (1995), prosedur Toda-Yamamoto tidak menggantikan akar unit konvensional dan sifat-sifat 'cointegration' pra-ujian dalam analisis siri masa. Mereka dianggap sebagai percuma antara satu sama lain. Prosedur Toda-Yamamoto pada asasnya melibatkan anggaran 1 VAR bertambah  $(k + d)$  model, di mana ialah lag panjang yang optimum dalam sistem VAR asal, dan  $d_{\max}$  adalah perintah yang maksimal integrasi pemboleh ubah dalam VAR sistem.

## 4.2 Keputusan Ujian Kepegunan

Jadual 4.1: Ujian Kepegunan

Pemboleh ubah	Ujian ADF			Ujian PP			$d_{\max}$
	$I(0)$	$I(1)$	$I(2)$	$I(0)$	$I(1)$	$I(2)$	
$\ln Lp$	-0.9233(7) (0.7432)	-4.2332(0)* (0.0047)	-6.8397(1)* (0.0000)	-0.4307[1] (0.8848)	-4.2334[1]* (0.0047)	-14.7742[12]* (0.0000)	$I(1)$
$\ln Ls$	-1.0111(0) (0.7272)	-4.9592(0)* (0.0011)	-8.4920(1)* (0.0000)	-0.9488[3] (0.7492)	-5.0355[4]* (0.0009)	-14.016[8]* (0.0000)	$I(1)$
$\ln Lt$	-1.0572(8) (0.6913)	-5.2088(4)* (0.0012)	-3.1038(3)* (0.0496)	-1.4731[0] (0.5249)	-4.3562[0]* (0.0036)	-17.9966[16]* (0.0000)	$I(1)$
$\ln Qp$	1.6759 (8) (0.9983)	-3.3900(0)** (0.0255)	-8.1922(0)* (0.0000)	3.4068[2] (1.0000)	-3.4661[2]** (0.0219)	-17.880[14]* (0.0000)	$I(1)$
$\ln Qs$	-3.0891(8) (0.0572)	-3.1451(0)** (0.0410)	-6.1370(1)* (0.0002)	-7.5381[14] (0.0000)	-3.1248[3]** (0.0426)	-10.86827[8]* (0.0000)	$I(1)$
$\ln Qt$	0.7260(7) (0.9868)	-2.5811(0) (0.1148)	-5.8495(0)* (0.0002)	-2.2102[1] (0.2091)	-2.5811[0] (0.1148)	-8.8259[16]* (0.0000)	$I(2)$

Nota : Tanda (\*) dan (\*\*) menggambarkan tahap signifikansi 1% dan 5%

Sebelum penganggaran model dibuat ujian kepegunan untuk setiap pemboleh ubah dijalankan. Tujuannya adalah untuk mengelak anggaran regresi palsu. Dengan menggunakan ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan Phillip-Perron (PP) hubungan kaitan pemboleh ubah dapat dianalisis. Ujian ADF dan ujian PP dijalankan pada peringkat paras pembezaan pertama dan pembezaan kedua. Biasanya ujian PP memainkan peranan penting dalam kajian setelah ujian ADF dijalankan. Ujian PP adalah lebih baik berbanding dengan ujian ADF kerana ujian PP mengambil kira segala kemungkinan dan masalah-masalah yang mungkin akan wujud. Oleh itu, kedua-dua ujian ADF dan PP dijalankan dalam kajian ini. Jadual 4.1 menunjukkan ujian ADF dan PP dijalankan pada peringkat paras pembezaan pertama dan pembezaan kedua.

Daripada jadual 4.1, padaperingkat pembezaan pertama pemboleh ubah  $\ln Q_p$  dan  $\ln Q_s$  sahaja yang signifikan pada paras 5 peratus dalam ujian PP. Manakala, pemboleh ubah  $\ln L_p$ ,  $\ln L_s$  dan  $\ln L_t$  pula signifikan pada paras 1 peratus dalam ujian PP. Hanya pemboleh ubah  $\ln Q_t$  sahaja tidak signifikan pada peringkat pembezaan pertama bagi ujian PP. Manakala pada paras pembezaan pertama bagi ujian ADF pula pemboleh ubah  $\ln Q_p$  dan  $\ln Q_s$  sahaja yang signifikan pada paras 5 peratus dan pemboleh ubah  $\ln L_p$ ,  $\ln L_s$  dan  $\ln L_t$  pula signifikan pada paras 1 peratus. Hanya pemboleh ubah  $\ln Q_t$  sahaja tidak signifikan pada paras pembezaan pertama bagi ujian ADF. Pada paras pembezaan kedua pula, semua pemboleh ubah adalah signifikan bagi ujian ADF dan ujian PP.

Secara keseluruhannya, daripada jadual 4.1 didapati bahawa kebanyakan data adalah pegun pada peringkat pembezaan pertama  $I(1)$  di mana paras keyakinan adalah 1 peratus dan semua data adalah pegun pada peringkat pembezaan kedua  $I(2)$ . Ini membolehkan penganggaran model kajian dapat dijalankan tanpa menghadapi masalah 'white noise'

### 4.3 Ujian Regresi Augmented Engle-Granger (Toda Yamamoto)

Jadual 4.2 jelas menunjukkan Keputusan Ujian Regresi Augmented Engle-Granger Toda Yamamoto bagi sektor primer yang juga merupakan pendekatan Toda Yamamoto. Hasil keputusan menunjukkan  $\ln Lp_{t-1}$  berjaya menolak hipotesis nol pada aras keertian 1%. Ini jelas menunjukkan bahawa perubahan-perubahan dalam  $\ln Lp_{t-1}$  berupaya memberi kesan positif (0.6838) terhadap perubahan kuantiti pengeluaran sektor primer. Manakala ketiga-tiga ujian diagnostik telah berjaya menerima  $H_0$  dan jelas memaparkan bahawa model penganggaran Toda Yamamoto pada aras  $lat=2$  memenuhi kriteria asa pemilihan model terbaik kajian.

Jadual 4.2 Keputusan Ujian Regresi Augmented Engle-Granger  
(Toda Yamamoto) bagi Sektor Primer

	Koefisien	Nilai Statistik t
Konstan	-9.7899	-1.6487
$\ln Lp_{t-1}$	0.6838 (0.2818)*	2.4264
$\ln Lp_{t-2}$	-0.0645 (0.2626)	-0.2455
$\ln Qp_{t-1}$	0.1111 (2.2531)	0.0493
$\ln Qp_{t-2}$	1.1873 (2.4814)	0.4785
<b>Ujian Diagnostik</b>		
Ujian Normaliti	1.846 (0.5814)	
Ujian Kolerasi Bersiri	0.7154 (0.5104)	
Heterogenetik	0.1900 (0.6691)	

Jadual 4.3 jelas menunjukkan Keputusan Ujian Regrasi Augmented Engle-Granger Toda Yamamoto bagi sektor sekunder. Sepertimana sektor primer, sektor sekunder juga tidak menghadapi sebarang masalah dalam pemilihan leg model iaitu hasil keputusan jelas sekali menunjukkan  $\ln Qs_{t-3}$  berjaya menolak hipotesis nol pada aras keertian 10%. Keadaan ini menunjukkan bahawa perubahan-perubahan dalam  $\ln Qs_{t-3}$  mampu memberi kesan positif (10.3988) terhadap perubahan output sektor sekunder. Pada masa yang sama, ketiga-tiga ujian diagnostik telah berjaya menerima  $H_0$  dan jelas memaparkan bahawa model penganggaran Toda Yamamoto pada aras  $lat=3$  memenuhi kriteria asas pemilihan model terbaik kajian.

Jadual 4.3 Keputusan Ujian Regrasi Augmented Engle-Granger  
(Toda Yamamoto) bagi Sektor Sekunder

	Coefficient	Nilai Statistik t
Konstan	0.7950 (8.1818)	0.0972
$\ln Ls_{t-1}$	0.3113 (0.2774)	1.1223
$\ln Ls_{t-2}$	-0.2239 (0.2474)	-0.9051
$\ln Ls_{t-3}$	0.2602 (0.2434)	1.0691
$\ln Ls_{t-4}$	-0.5103 (0.3066)	-1.6645
$\ln Ls_{t-5}$	0.5957 (0.2242)	2.6564
$\ln Qs_{t-1}$	-4.3507 (4.1578)	-1.0464
$\ln Qs_{t-2}$	-9.1273 (5.7610)	-1.5843
$\ln Qs_{t-3}$	10.3988 (5.3792)***	1.9332
$\ln Qs_{t-4}$	0.6615 (4.3808)	0.1510
$\ln Qs_{t-5}$	3.1992 (3.8677)	0.8272
<b>Ujian Diagnostik</b>		
Ujian Normaliti	1.3603 (0.5065)	

Ujian Kolerasi Bersiri	3.9987 (0.2001)
Heterogenetik	0.0964 (0.7615)

Jadual 4.4 menunjukkan Keputusan Ujian Regrasi Augmented Engle-Granger Toda Yamamoto bagi sektor tertier. Dalam sektor tertier, wujud banyak peluang pekerjaan contohnya dalam sektor perkhidmatan yang banyak menggunakan tenaga buruh dalam menjana output. Penemuan kajian jelas menunjukkan bahawa penggunaan buruh lebih dominan dalam menentukan pertumbuhan output sektor tertier dimana  $\ln Ls_{t-5}$  dan  $\ln Ls_{t-6}$  berjaya menolak hipotesis nol pada aras keertian 10% dan 1%.

Jadual 4.4 Keputusan Ujian Regrasi Augmented Engle-Granger  
(Toda Yamamoto) bagi Sektor Tertier

	Coefficient	Nilai Statistik t
Konstan	-27.6880 (29.75903)	-0.9304
$\ln Ls_{t-1}$	-0.2946 (0.456458)	-0.6455
$\ln Ls_{t-2}$	0.0620 (0.423620)	0.1463
$\ln Ls_{t-3}$	-0.2057 (0.608441)	-0.3381
$\ln Ls_{t-4}$	-0.0693 (0.101838)	-0.6807
$\ln Ls_{t-5}$	0.1292 (0.068172)***	1.8955
$\ln Ls_{t-6}$	0.3369 (0.108636)*	3.1016
$\ln Qs_{t-1}$	-2.1416 (1.550154)	-1.3816
$\ln Qs_{t-2}$	-1.2438 (3.610505)	-0.3445
$\ln Qs_{t-3}$	5.2120 (1.189603)	4.381252
$\ln Qs_{t-4}$	1.1228 (1.520636)	0.738391
$\ln Qs_{t-5}$	0.4231 (1.191011)	0.355254

$lnQs_{t-6}$	-0.0028 (1.314472)	-0.002107
<b>Ujian Diagnostik</b>		
Ujian Normaliti	1.310955 (0.519194)	
Heterogenetik	0.002769 (0.9590)	

#### 4.4 Ujian Wald(MWALD)

Hasil keputusan Mwald Granger jelas membuktikan bahawa tahap penggunaan buruh lebih ketara hanya bagi sektor sekunder dan tertier dalam mencorakkan pertumbuhan output sektor masing-masing. Ini kerana pada awal 80-an dan 90-an, sektor perindustrian menunjukkan perkembangan yang agak drastik dan industri-industri mula bertapak di Malaysia sekaligus menyumbang kepada peningkatan dalam penggunaan buruh dan pertumbuhan output. Hal ini ekoran peralihan fokus negara daripada pertanian kepada perindustrian dan seterusnya perkhidmatan. Tambahan pula, kewujudan dasar-dasar seperti Dasar Perindustrian, Dasar Pandang ke Timur dan Dasar Penswastaaan turut mendokong perkembangan sektor sekunder dan sektor tertier dan menjadi tulang belakang kepada kewujudan banyak peluang-peluang pekerjaan kepada buruh.

Jadual 4.5 Keputusan Ujian Wald

Arah Penyebab	Nilai Statistik	Hipotesis
$\Delta Lp \longrightarrow \Delta Qp$	3.463125 (0.1770)	Ditolak
$\Delta Ls \longrightarrow \Delta Qs$	12.56330 (0.0136)**	Ditolak
$\Delta Lt \longrightarrow \Delta Qt$	15.002 (0.0104)**	Ditolak

Nota : Tanda (\*) dan (\*\*) menggambarkan tahap signifikan 1% dan 5%

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR KAJIAN**

#### **5.1 RUMUSAN KAJIAN**

Kesimpulannya, hasil dari kajian yang dilakukan dapat menganalisis beberapa pemboleh ubah dalam menentukan peningkatan atau penurunan dalam pertumbuhan output mengikut sektor kesan daripada penggunaan buruh asing dalam sektor-sektor ekonomi seperti sektor primer (pertanian dan perlombongan), sektor sekunder (pembinaan dan pembuatan) dan sektor tertier (perkhidmatan). Ini adalah kerana penggunaan buruh asing dalam sektor-sektor ekonomi merupakan faktor yang penting sebagai penentu dalam menentukan sama ada berlaku peningkatan atau sebaliknya dalam pertumbuhan output mengikut sektor-sektor ekonomi di Malaysia. Hasil kajian yang dilakukan telah mengambil kira beberapa pemboleh ubah berdasarkan pemboleh ubah bersandar iaitu pertumbuhan output dan pemboleh ubah bebas iaitu penggunaan buruh asing mengikut sektor. Situasi ini penting dalam melihat kesan penggunaan buruh asing mengikut sektor sebagai penentu kepada peningkatan pertumbuhan output atau tidak.

#### **5.2 IMPLIKASI DASAR DAN POLISI**

##### **5.2.1 Dasar Buruh Asing**

Memang diakui bahawa buruh asing memberi sumbangannya kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Mereka sanggup bekerja dengan kadar upah yang rendah dan bekerja di sektor yang menghadapi kekurangan tenaga kerja seperti di sektor pembinaan dan perladangan. Mereka sanggup bekerja di sektor yang berbahaya, kotor

dan sukar. Mereka juga sebenarnya telah menyumbang kepada penurunan kadar inflasi kerana kadar upah yang rendah, yang mana dalam ekonomi dipanggil inflasi tolakan kos. Walau bagaimanapun apabila majikan dalam sektor perkhidmatan seperti restoran dan peruncitan, dan sektor perindustrian turut sama mengambil kesempatan mengutamakan pengambilan buruh asing berbanding buruh Malaysia maka timbul persoalan kesesuaian polisi buruh asing yang diamalkan di Malaysia. Apabila berlaku rungutan ketara dari rakyat Malaysia seperti di waktu pilihanraya atau tekanan dari kemelesetan ekonomi, maka dasar buruh asing yang lebih menjurus kepada kawalan dan pengurangan pengambilan buruh asing diperkenalkan. Walau bagaimanapun selepas waktu pilihanraya atau apabila ada rayuan dari majikan, dasar ketat yang diperkenalkan itu dilonggarkan semula. Yang terbaru apabila kerajaan menaikkan levi kepada buruh asing yang bekerja di sektor perkhidmatan seperti di restoran dan membekukan pengeluaran permit baru kepada agensi pengambilan buruh asing. Tetapi apabila ada bantahan dan ugutan dari pengusaha restoran seperti akan menaikkan harga makanan yang dijual, maka terdapat ura-ura untuk mengkaji semula levi yang dikenakan.

Dengan objektif untuk mengurangkan pergantungan kepada buruh asing, dasar yang perlu digalakkan ialah dasar yang menjurus kepada kemasukan buruh mahir, dan bukan hanya buruh tidak mahir sahaja. Malaysia memerlukan dasar buruh asing yang jelas dan menyeluruh. Dasar tersebut perlu mengambilkira strategi jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Ianya bersesuaian dengan dasar Malaysia untuk beralih kepada perkembangan industri berteknologi tinggi yang memerlukan buruh mahir. Sektor-sektor yang diketahui ada minat yang tinggi oleh pekerja Malaysia untuk bekerja, seperti di sektor peruncitan dan restoran, dasar menghalang pengambilan terus buruh asing untuk bekerja di sektor ini perlu dikuatkuasakan. Kita tidak mahu satu masa nanti pekerja dari Malaysia terpaksa bertukar memiliki passport Indonesia, Bangladesh atau Myanmar untuk bekerja di sektor pekerjaan di Malaysia. Ini kerana majikan lebih bersedia mengambil pekerja dari Indonesia, Bangladesh atau Myanmar. Lebih terasa lagi apabila rakyat Malaysia terpaksa bertukar bahasa loghat Indonesia untuk bekerja di kilang, restoran atau pasaraya di Malaysia.

### **5.2.2 Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing Dan Pendatang Asing Tanpa Izin (Program 6P)**

Pihak kerajaan perlu melaksanakan Program 6P untuk menjaga kebajikan buruh asing. Menerusi program ini, PATI akan digesa untuk tampil membuat pendaftaran di mana mana lokasi pendaftaran yang telah ditetapkan Kerajaan, dan seterusnya menyerahkan data maklumat peribadi mereka bagi dipertimbangkan untuk proses pemutihan (ditukar status menjadi pekerja sah). Bagaimanapun, tawaran untuk tampil bagi proses pendaftaran ini hanya akan dilaksanakan dalam tempoh terhad selama dua minggu, sebelum setiap maklumat diproses serta dipertimbangkan untuk tujuan kelulusan pemutihan. Selain itu, Program 6P ini juga pada masa sama menjadi platform terakhir bagi setiap majikan di Negara ini untuk mendaftarkan pekerja asing tanpa izin mereka secara sah – sebelum program penguatkuasaan secara bersepadu dilaksanakan Kerajaan secara besar-besaran.

Antara rasional Program 6P ini dilaksanakan adalah untuk tujuan mendapatkan anggaran statistik jumlah PATI yang berada di Malaysia, selain mengumpul maklumat peribadi mereka termasuklah data biometrik (cap 10 jari tangan kanan dan kiri). Menerusi program 6P ini, Kerajaan akan mengenalpasti keperluan jumlah pekerja yang diperlukan setiap sektor yang dibenarkan mengambil pekerja asing di negara ini. Dengan berdasarkan data yang ada, jumlah kekosongan itu akan diisi oleh PATI yang berdaftar menerusi Program 6P ini, sekali gus membekukan pengambilan terus sumber baru pekerja asing dari luar negara bagi tempoh tersebut. Justeru, Program 6P ini secara rasionalnya bertujuan memantapkan pengurusan warga asing di negara ini, membantu mengawal kemasukan baru pekerja asing ke negara ini, membantu pengurusan aktiviti ekonomi negara ini dan membantu mengawal perkembangan jenayah di negara ini.

Program 6P ini melibatkan enam peringkat iaitu pendaftaran, pemutihan, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan dan pengusiran. Peringkat pertama iaitu pendaftaran dilaksanakan untuk tujuan mendaftarkan PATI di Malaysia, dan menerusi kaedah ini, Kerajaan berpeluang mendapatkan maklumat majikan PATI, selain rekod peribadi serta data biometrik PATI yang merupakan elemen teras bagi rasional pelaksanaan program ini. Tindakan ini selari dengan inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan pangkalan data komprehensif bagi setiap warga asing di Malaysia, sekali gus membolehkan proses pemantauan dilaksanakan secara lebih berkesan, termasuklah usaha membabitkan penyelesaian dalam menangani isu pemalsuan identiti serta dokumen yang selama ini mudah dipalsukan akibat tiada rekod biometrik.

Peringkat kedua adalah pemutihan iaitu proses yang berfungsi untuk menyaring setiap PATI yang berdaftar menerusi program ini dan seterusnya mengenal pasti jika wujud keperluan untuk mengekalkan mereka dalam sektor tertentu yang mempunyai penawaran kekosongan kerja membabitkan pekerja asing. Jika hasil pertimbangan mendapati PATI yang terbabit sesuai untuk mengisi kekosongan tersebut, maka mereka akan diputihkan dan seterusnya dijadikan pekerja asing yang sah dengan senarai majikan yang berdaftar. Bagaimanapun, proses pemutihan ini hanya akan dipertimbangkan untuk sektor serta negara sumber yang tersenarai dalam dasar penggajian pekerja asing dan yang pernah diberikan kebenaran khas kerajaan termasuk sub-sektor yang sedang dibekukan. Pada masa yang sama, proses pemutihan ini juga akan mengambil kira kelayakan majikan berdasarkan keperluan semasa mengikut sektor dan sub-sektor yang akan ditentukan oleh kementerian/agensi kawal selia.

Seterusnya ialah peringkat ketiga iaitu pengampunan di mana PATI yang tidak tersenarai untuk diputihkan, atau PATI yang secara sukarela memilih untuk pulang ke negara asal mereka masing-masing akan diampun dan dibenarkan pulang atas kos sendiri tanpa dikenakan sebarang bentuk tindakan. Bagaimanapun, pengampunan ini hanya terhad kepada PATI yang melakukan kesalahan imigresen sahaja.

Peringkat keempat ialah pemantauan yang akan dilaksanakan sebelum operasi penguatkuasaan bersepadu terhadap PATI dilaksanakan secara besar-besaran di seluruh Negara. Inisiatif ini akan digerakkan menerusi naziran ke premis-premis majikan untuk memberi nasihat selain pada masa sama menerangkan implikasi tindakan undang-undang sekiranya didapati melindungi pekerja berstatus PATI yang tidak berdaftar dengan Program 6P. Antara lain, majikan serta PATI yang berkenaan boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (Pindaan 2010) dan Akta Imigresen 1959/63 yang boleh membawa kepada hukuman denda sehingga RM1 juta.

Peringkat kelima iaitu penguatkuasaan adalah peringkat di mana satu operasi penguatkuasaan bersepadu akan dilaksanakan secara besar-besaran dan digerakkan dengan tujuan untuk mengesan serta menangkap PATI serta majikan yang dikenal pasti masih melakukan kesalahan imigresen. Peringkat keenam dan terakhir adalah pengusiran PATI yang telah ditangkap melalui operasi penguatkuasaan bersepadu bagi dikenakan tindakan undang-undang sebelum diusir keluar dari negara ini. Oleh kerana kos bagi proses pengusiran ini ditanggung menggunakan peruntukan Kerajaan, maka setiap PATI yang diusir akan turut sama disenarai hitamkan daripada kebenaran untuk masuk semula ke negara ini.

### **5.3 KESIMPULAN**

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan buruh asing adalah diperlukan dalam sektor-sektor ekonomi di Malaysia. Justeru itu, pihak yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan yang penting dalam menyediakan kemudahan asas kepada pekerja asing supaya mereka berasa selesa dan seterusnya lebih rela dalam memberikan sumbangan kepada pertumbuhan output dalam sektor berkenaan di negara kita.

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat disimpulkan bahawa penggunaan buruh asing dalam sektor-sektor utama di Malaysia mempengaruhi pertumbuhan output.

Penggunaan buruh asing dapat menampung kekosongan dalam sektor-sektor tertentu sekaligus meningkatkan pertumbuhan output dalam sektor tersebut. Keadaan ini juga penting untuk pertumbuhan ekonomi negara yang menjadi peneraju kepada persaingan negara di pentas global.

## Rujukan

- Azizah K. (1994). Amesty for Illegal Foreign Worker in Malaysia: Some Attendent Problems. *Journal of Economic and Social Research*, (6), 44-45.
- Borjas, G.J. (1993). The Intergenerational Mobility of Immigrants. *Journal of Labour Economics*, 11(1 ), 113-135.
- Chiswick, B. R. (1983). An Analysis of the Earnings and Employment of Asian-American Men. *Journal of Labour Economics*, 1(2), 197-214.
- Constantinos A. (2009). Government Spending and Economic Growth: Econometric Evidence from the South Eastern Europe. *Journal of Economic and Social Research*, 11(1), 1-16.
- De Vorets, D. J. (1998). Migrant labour: Lesson from the Canadian Experiences. *Journal of Population Ecollomics*, (10), 124-154.
- Dipendra Sinha. (1998), Government Expenditure and Economic Growth in Malaysia. *Journal of Economic Development*, 23(2), 71-80.
- Dipendra Sinha. (1998), Government Expenditure and Economic Growth in Malaysia. *Journal of Economic Development*, 23(2), 71-80.
- Harris, John, and Michael Todaro (1970). "Migration, Unemployment and Development: A Two-Sector Analysis,". *The American Economic Review*, 60(1), 126-142.
- Johnson, G. E. (1980). The Labor Market Effects of Immigration. *Industrial and Labor Relations Review*, 3(33), 331-341.

- Kementerian Kewangan Malaysia (2010). Laporan Ekonomi 2010/2011. <http://www.treasury.gov.my>. Diakses pada 03 Februari 2011.
- Munshi, Kaivan (2003), "Networks in the Modern Economy: Mexican Migrants in the U.S. Labor Market," *The Quarterly Journal of Economics*, 118 (2), 549-599.
- Unit Perancang Ekonomi Malaysia (2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015. <http://www.epu.gov.my/home#e>. Diakses pada 04 Februari 2011.
- Venturini, A. (1999). Do Immigrant Working Illegally Reduce the Native Legal Employment? Evidence from Italy. *Journal of Population Economics*, (12), 135-154.
- World Bank, World Development Report, 1990 (Washington, DC: The World Bank, 1990).
- World Bank (2011). GDP per capita (US dollar) in Malaysia. <http://www.worldbank.org/>. Diakses pada 05 Februari 2011.
- World Bank (2011). Population total in Malaysia. <http://www.worldbank.org/>. Diakses pada 05 Februari 2011.
- World Bank (2011). GDP per capita (US dollar) in Malaysia. <http://www.worldbank.org/>. Diakses pada 05 Februari 2011.

PENGGUNAAN BURUH ASING DAN PERTUMBUHAN OUTPUT MENGIKUT SEKTOR : KAJIAN KES  
MALAYSIA - VINODH A/L ELAMKOVAN